

HADIS

Jurnal Ilmiah Berwasit
Artikel-Artikel Berorientasikan Kajian dan
Penyelidikan Dalam Bidang Hadis

Diterbitkan Oleh
Institut Kajian Hadis (INHAD)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Tahun keempat, Bil: 8, Safar 1436h, (Disember 2014)

Bilangan ini

**Kitab Riyad Al-Salihin: Satu Tinjauan Dari Sudut Penulis,
Metodologi Penulisan Dan Sambutan Ulama.**

Dr. Mohamad Syukri bin Abd Rahman.

**Metodologi Huraian al-Taftazani Terhadap Hadis-Hadis
“Al-Arba’in Al-Nawawiyah”.**

Rosni binti Wazir.

Al-Tarmasiy: Tokoh Prolifik Dalam Bidang Hadith.

*Hayati binti Hussin, Dr. Sabri bin Mohamad, Dr. Wan Nasyrudin Wan
Abdullah, Dr. Abdul Rahim bin Ahmad, Mohd Norzi Nasir.*

FORMAT JURNAL HADIS

Jurnal Hadis merupakan pendokumentasian artikel-artikel ilmiah yang berorientasikan hadis dan pengajiannya. Jurnal hadis diterbitkan sebanyak dua kali dalam setahun pada setiap Jun dan Disember.

Garis panduan penulisan artikel:

- 1) Artikel hendaklah menepati tema jurnal hadis yang diterbitkan.
- 2) Artikel hendaklah bersifat asli dan memenuhi syarat dan format sebuah penulisan jurnal.
- 3) Artikel yang dihantar hendaklah memelihara akidah Islam dan tidak bertentangan dengan syariat Islam, tidak memandang negatif pada mana-mana mazhab serta peribadi individu tertentu.
- 4) Artikel hendaklah memenuhi format sebuah jurnal ilmiah dalam memberi kesahan maklumat, perincian sumber-sumber hadis dan statusnya, serta memastikan ayat-ayat al-Quran ditulis dengan menyertakan nama surah dan nombor ayat.
- 5) Artikel hendaklah menggunakan perkataan-perkataan yang sesuai dari aspek tatabahasa dan olahannya.
- 6) Artikel yang dihantar bukan merupakan artikel yang pernah dibentangkan oleh jurnalis atau diterbitkan oleh mana-mana pihak penerbitan.
- 7) Artikel hendaklah tidak melebihi 40 halaman, bersaiz A4, jenis tulisan traditional Arabic, saiz tulisan 16, langkau 1.5, saiz tulisan bagi nota kaki 12.
- 8) Penyumbang artikel hendaklah mengemukakan *resume* atau pengenalan diri berserta kepakaran yang dimiliki.

Nota: Penyumbang artikel yang berminat untuk menghantar bahan masing-masing hendaklah menghantar artikel tersebut kepada Ketua Pengarang Jurnal Hadis INHAD. Artikel yang dihantar akan diwasitkan dan artikel yang berjaya untuk diterbitkan setelah proses pewasitan akan dimaklumkan kepada penyumbang.

hadis2008inhad@gmail.com

Alamat surat-menyurat:

Ketua Editor Jurnal Hadis.

INSTITUT KAJIAN HADIS (INHAD).

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Bandar Seri Putra 43600, Bangi.

Selangor, MALAYSIA.

SIDANG REDAKSI JURNAL HADIS

Penaung

Prof Madya. Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri
(Rektor KUIS)

Penasihat

Syed Abdul Majid Ghouri

Ketua Editor

Mohd Norzi bin Nasir

LEMBAGA PENASIHAT ANTARABANGSA

DR. RIF'AT FAUZI ABD. MUTALIB

(Mantan Pensyarah Hadis di kebanyakan universiti di Mesir dan Arab Saudi).

PROF. DR. MUHAMMAD 'AJAJ AL-KHATIB

(Profesor Hadis dan Mantan Ketua, Bahagian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Syariah Universiti Dimasyq, dan di kebanyakan universiti di Arab Saudi dan negara-negara Teluk).

DR. BADI' AL-SAYYID AL-LAHHAM

(Pensyarah Hadis, Fakulti Syariah Universiti Dimasyq, Syria).

DR. SALMAN AL-HUSNI AL-NADWI

(Pensyarah Hadis di Fakulti Syariah dan Usuluddin, Universiti Nadwatul Ulama, Rektor Universiti Imam Ahmad bin Irfan al-Syahid, INDIA).

DR. NIZAM MUHAMMAD SOLIH YA'QUBI

(Pakar Ekonomi Islam di Bahrain, Ahli Lembaga Penasihat Syariah di kebanyakan Bank dan Yayasan Kewangan).

DR. MUHAMMAD AKRAM AL-NADWI

(Felo Penyelidik di Pusat Pengajian Islam Oxford, Oxford Britain).

PROF. DR. MUHAMMAD ABU LAITH AL-KHAIRABADI

(Profesor Hadis, Jabatan Al-Quran Dan Al-Sunnah, Fakulti Ilmu Wahyu dan Warisan Islam, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Malaysia).

DR. SHAYUTHY B. ABDUL MANAS

Penolong Profesor, Jabatan Al-Quran Dan Al-Sunnah, Fakulti Ilmu Wahyu dan Warisan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). (Malaysia).

PROF. MADYA DR. NAJM ABDULRAHMAN KHALAF

Professor Madya, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

KANDUNGAN JURNAL

Kitab <i>Riyad Al-Salihin</i>: Satu Tinjauan Dari Sudut Penulis, Metodologi Penulisan Dan Sambutan Ulama. <i>Dr. Mohamad Syukri bin Abd Rahman</i>	7
Metodologi Huraian al-Taftazani Terhadap Hadis-Hadis “<i>Al-Arba’in Al-Nawawiyah</i>”. <i>Rosni binti Wazir</i>	33
Al-Tarmasiy: Tokoh Prolifik Dalam Bidang Hadith. <i>Hayati binti Hussin, Dr. Sabri bin Mohamad, Dr. Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Dr .Abdul Rahim bin Ahmad, Mohd Norzi Nasir</i>	51

Kitab *Riya:d Al-Sa:lihi:n* Satu Tinjauan Dari Sudut Penulis, Metodologi Penulisan Dan Sambutan Ulama

Dr. Mohamad Syukri bin Abd Rahman¹

Abstrak

*Pada abad ke 7H lahirlah Imam al-Nawawi:, seorang tokoh pendidikan pembangunan insan yang tersohor. Melalui karyanya kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*, beliau berjaya menyampaikan secara terperinci aspek-aspek pendidikan pembangunan insan dengan penggunaan teknik penyampaian yang baik sehingga kitab tersebut diakui mampu dijadikan asas bagi membentuk insan yang salih. Dua aspek utama yang menjadi asas kejayaan pendidikan pembangunan insan Imam al-Nawawi: ialah metodologi yang betul untuk mendidik manusia serta isi kurikulum pembangunan yang lengkap.² Ia merupakan sebaik-baik kitab yang amat diperlukan oleh setiap individu muslim di setiap rumah yang mempunyai cahaya iman.³ Di Malaysia khasnya dan Nusantara amnya kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dijadikan sebagai teks pengajian agama di surau-surau atau di masjid-masjid. Selain dari itu ia juga dijadikan sebagai rujukan penting untuk syarahan- syarahan agama dan ceramah-ceramah agama. Justeru ia mendapat sambutan yang hangat di kalangan masyarakat setempat dan umat Islam di Nusantara, maka ia telah di terjemahkan kepada bahasa Melayu dalam beberapa versi.*

Pendahuluan

Artikel ini membincangkan tentang kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* secara mendalam. Ia bertujuan untuk melihat dengan lebih dekat kedudukan kitab tersebut berasaskan biodata penulisnya, latarbelakang kitab merangkumi objektif, metodologi penulisan dan pengambilan hadis serta kandungannya. Selain itu, ia juga mendedahkan sambutan para ulama dahulu dan sekarang terhadap kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*.

-
- 1 Timbalan Rektor Akademik dan Penyelidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, (KUIS).
 - 2 Kamarul Azmi Jasmi et al. (2003), "Metodologi Pendidikan Pembangunan Insan: Satu Kajian Khas *Kita:b Riya:d al- Sa:lihi:n*" (Kertas Kerja Wacana Pendidikan Islam Siri 3, Anjuran Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia), h.1.
 - 3 Muhyi: al-Di:n 'Abu Zakariyya: Yahya: al-Nawawi: (1999), *Riya:d al-Sa:lihi:n Min Kala:m Sayyid al-Mursali:n, Taqri:z wa Taqdi:m Wahbat al-Zuhayli:, Tahqi:q, Takhri:j wa Ta'li:q 'Aha:di:thuha: 'Ali: 'Abd al-Hami:d 'Abu: al-Khayr, c.2. Damsyik-Beirut: Dar al-Khayr, h. ٣٠*.

Nama dan Salasilah Keturunan Imam al-Nawawi:

Beliau ialah al-Shaykh al-Ima:m al-[°]Alla:maṭ Muhyi: al-Di:n 'Abu: Zakariyya: Yahya: bin Sharaf bin Muri: bin Hasan bin Husain bin Hazam bin Muhammad bin Jum[°]at al-Nawawi: al-Sha:fi[°]i:.¹ Gelarannya 'Abu: Zakariyya:.² Mengikut tradisi masyarakat Arab sesiapa yang bernama Yahya: akan dipanggil 'Abu: Zakariyya: dirujuk kepada Nabi Allah Yahya: a.s. dan ayahnya Zakariyya:.. Demikian juga dipanggil Abu Ya[°]qub kepada sesiapa yang bernama Yu:suf.³ Selain dari itu panggilan tersebut juga tidak berasaskan kedudukan beliau sebagai seorang ayah sebagaimana kebiasaan. Namun beliau dipanggil dengan gelaran ayah (abu) semenjak kecil dengan harapan beliau akan mempunyai umur yang panjang dan dikurniakan anak.⁴ Beliau terkenal dengan panggilan al-Nawawi: atau al-Nawa:wi: dinisbahkan kepada kampung tempat kelahirannya, iaitu Nawa. Beliau menulis nisbahnya tanpa mad, iaitu al-Nawawi: bukan al-Nawa:wi:.⁵ Gelaran beliau ialah Muhyi: al-Di:n. Beliau tidak suka dengan panggilan tersebut kerana merendah diri kepada Allah SWT dan beranggapan bahawa agama itu sentiasa hidup tanpa memerlukan orang yang menghidupkannya.⁶ Adapun nisbahnya kepada datuknya al-Hiza:mi:, beliau menafikan pertalian nisbah tersebut dengan sahabat Rasulullah s.a.w. yang bernama Ha:kim bin Hiza:m bin Khuwaylid bin 'Asad yang merupakan anak saudara 'Umm al-Mu'mini:n Khadi:jaṭ, pemimpin Quraysh pada zaman Jahiliyah dan Islam. Beliau meninggal dunia pada tahun 54H.⁷ Daripada pengenalan di atas dapat disimpulkan bahawa nama Imam al-Nawawi: ialah Yahya: dan nasabnya yang teratas ialah datuknya Hiza:m.⁸

Ahli sejarah tidak menyebut tentang keluarga Imam al-Nawawi: dalam catatan mereka kecuali apa yang disebut oleh 'Ibn al-[°]Atta:r

1 Muhammad bin [°]Alla:n al-Sa:diqi: (t.t), *Dali:l al-Fa:lihi:n Li Turuq Riya:d al-Sa:lihi:n*. Beirut: Dar al-Kutub al-[°]Ilmiyyaṭ, h.6.

2 *Wiza:raṭ al-'Awqa:f Wa al-Shu'u:n al-'Isla:miyyaṭ* (1993), *Al-Mawsu: [°]at al-Fiqhiyyaṭ*, j.1, c.4. Kuwait, h.373.

3 Muhammad bin 'Ahmad bin [°]Abd al-Ba:ri: al-'Ahdal(1359H), *Al-Kawa:kib al-Durriyyaṭ [°]Ala: al-Mutammimaṭ al-'Ajru:miyyaṭ*, j.1. Mesir: Mustafa: al-Ba:bi al-Halabi:, h.59.

4 Al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.17.

5 Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.17.

6 *Ibid*, h.19.

7 *Ibid*, h.18.

8 Al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.16.

tentang datuknya yang tinggal di Jawa:n di perkampungan Nawa. Mungkin keadaan tersebut disebabkan oleh ketidakmasyhuran mereka dalam bidang keilmuan dan kepimpinan. Selain dari itu bapanya terkenal dengan ketakwaan, kesalihan dan kewarakan.¹ Beliau merupakan ahli perniagaan.²

Antara kezuhudan dan kewarakan beliau ialah apabila Imam al-Nawawi: meninggal dunia, beliau telah menyerahkan karya-karya tulisan Imam al-Nawawi: dan kitab-kitab yang dibeli sebelum ini kepada al-Sheikh Burha:n al-Di:n al-'Iskandariyy untuk dipinjamkan kepada sesiapa yang memerlukan dari kalangan muslimin. Keadaan ini berterusan sehingga beliau meninggal dunia. Demikianlah kehidupan bapa Imam al-Nawawi: yang sentiasa bersifat zuhud dan warak seterusnya amat berwaspada dalam mendidik anak-anak agar mempunyai jiwa yang bersih dan membesar dengan makanan yang halal. Oleh yang demikian beliau telah melahirkan anak-anak yang cemerlang seperti Imam al-Nawawi:.³ Beliau meninggal dunia sembilan tahun selepas kewafatan Imam al-Nawawi:, semasa beliau berusia melewati 70 tahun.⁴

Kelahiran, Riwayat Hidup Semasa Kecil dan Dewasa dan Kewafatan

Beliau dilahirkan pada sepuluh hari pertama⁵ bulan Muharam tahun 631H di Nawa, salah sebuah perkampungan Syam berhampiran Damsyik.⁶ Beliau menetap di kampungnya sehingga berusia 18 tahun.

1 Al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.21-22

2 Ta:j al-Di:n °Abd al-Wahhab bin Taqy al-Di:n al-Subki: (1964), *Tabaqat al-Sha:fi'iyyat al-Kubra:*, Tahkik °Abd al-Fattah Muhammad al-Hulu, Mahmu:d Muhammad al-Tana:hi:, j.8. Kaherah: °I:sa: al-Ba:bi al-Halabi:, h. 396.

3 Al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.23-24.

4 Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.20.

5 Ahli sejarah bersepatat tentang bulan dan tahun kelahiran Imam al-Nawawi. Namun mereka berselisih pendapat tentang tarikh yang paling hampir kepada kelahiran beliau. Imam al-Sakha:wi:, Imam al-Sayu:ti: dan Imam al-Ya:fi'i: berpendapat beliau dilahirkan pada sepuluh hari pertengahan bulan Muharam tahun 631H. Pendapat ini ditarjihkan oleh Imam al-Shabarkhi:ti: dan Imam al-Sakha:wi:. Imam al-'Isnawi pula berpendapat bahawa beliau dilahirkan pada sepuluh hari pertama bulan Muharam. Walau bagaimanapun, pendapat pertama lebih tepat dan merupakan pendapat kebanyakan ahli sejarah kerana ia berasaskan kenyataan °Ibn °Attar murid kepada Imam al-Nawawi:. Lihat al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.25.

6 Al-Sa:diqi: (t.t), *op.cit*, h. 6.

Dalam tempoh tersebut kebanyakan waktunya dihabiskan dengan menghafaz al-Quran dan mempelajari beberapa ilmu selain dari membantu bapanya di kedai.¹

Ayahnya menceritakan, pada suatu malam(malam 27 Ramadan), semasa al-Nawawi: berusia 7 tahun, beliau tidur di sisinya, pada pertengahan malam beliau bangkit dan menceritakan bahawa beliau melihat cahaya menerangi rumah sedangkan ayahnya sekeluarga tidak nampak cahaya itu. Keadaan itu menyedarkan ayahnya bahawa malam itu adalah malam Lailatulqadar.²

Gurunya dalam ilmu *al-Tari:qat*, Sheikh Ya:si:n bin Yu:suf al-Zarkashi: menceritakan bahawa beliau melihat Sheikh Muhyi: al-Di:n semasa berumur 10 tahun di Nawa. Ketika itu kanak-kanak tidak suka bermain dengannya. Lalu dia menyisihkan diri daripada mereka dan menangis. Bermula dari saat itu dia mula belajar al-Quran dan bermula dari saat itu Sheikh Ya:si:n bin Yu:suf al-Zarkashi: mula mengasihi Imam al-Nawawi:. Ayahnya selalu meletakkannya di kedai tanpa membebarkannya dengan urusan perniagaan yang boleh mengganggu tumpuannya terhadap al-Quran. Sheikh Ya:si:n bin Yu:suf al-Zarkashi: berjumpa dengan guru al-Qurannya dan memberitahu bahawa anak ini akan menjadi orang yang paling alim dan zuhud pada zamannya dan memberi sumbangan kepada ummat. Lalu guru itu bertanya adakah beliau seorang ahli nujum. Beliau menjawab bahawa beliau mendapat ilham daripada Allah SWT tentang perkara tersebut. Guru itu menceritakan perkara itu kepada ayahnya lantas ayahnya memberi perhatian dan mengambil berat tentang perkhabaran tersebut.³

Melalui bimbingan Sheikh Ya:si:n bin Yu:suf al-Zarkashi: dan juga perhatian daripada ayahnya, beliau telah berjaya menghafaz al-Quran menjelang usia baligh dan mempelajari asas permulaan

1 Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.22. Lihat juga al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.27.

2 ‘Ula:’ al-Di:n ‘Abu: al-Hasan ‘Ali: bin ‘Ibra:hi:m bin Dawu:d ‘Ibn al-‘Atta:r (1991), *Tuhfat al-Ta:libi:n Fi: Tarjamat al-Nawawi:.* Tahkik Fu’a:d ‘Abd al-Mun‘im ‘Ahmad. Iskandariyah: Mu’assasat Shaba:b al-Ja:mi‘at, h.23. Lihat juga Muhammad bin ‘Abd al-Rahma:n al-Sakha:wi: (1935), *Tarjamat al-‘Ima:m al-Nawawi:.* Kaherah: Matba‘at Jam‘iyyat al-Nashr Wa al-Ta’lif Bi al-‘Azhar, h.4. Lihat juga Al-Sa:diqi: (t.t), *op.cit*, h.7. Lihat juga al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.26.

3 Al-Sa:diqi: (t.t), *op.cit*, h.7. Lihat juga al-Nawawi: (1999),*op.cit*, h. 5.

dalam ilmu-ilmu asas yang diperlukan di peringkat-peringkat berikutnya.¹

Beliau sampai di Damsyik bersama ayahnya semasa berusia 19 tahun² pada tahun 649 H³ untuk menimba ilmu daripada institusi-institusi pengajian yang mencapai bilangan melebihi 300 buah institusi di sekitar kota tersebut.⁴ Damsyik pada masa itu menjadi tumpuan para ulama dan penuntut ilmu dari seluruh pelusuk dunia Islam. Ia merupakan kota yang terkenal dalam pelbagai ilmu yang wujud pada masa itu. Kegemilangan kota Damsyik dapat dilihat pada buku *Ta:ri:kh Demashq* hasil karya 'Ibn 'Asa:kir yang merupakan buku sejarah yang paling besar berkaitan sesebuah negeri. Buku tersebut mempunyai lebih dari 80 jilid. Ia menceritakan tentang ulama Damsyik, para sasterawan, para penyair, para pemimpin dan sesiapa yang mengunjunginya atau melewatinya⁵.

Imam al-Nawawi: menetap di Damsyik selama 28 tahun sebagaimana yang dinyatakan oleh 'Ibn al-'Atta:r. Di sini beliau menghabiskan usianya dengan belajar, mengajar, mengarang dan beramal sehinggalah beliau wafat⁶. Ulama yang pertama ditemuinya ialah Imam dan juga khatib Masjid al-Ja:mi' al-'Umawi: iaitu Sheikh Jama:l al-Di:n 'Abd al-Ka:fi: bin 'Abd al-Malik bin 'Abd al-Ka:fi: al-Raba'i: al-Demashqiyy(m.689H). Imam tersebut kemudiannya membawa Imam al-Nawawi: ke majlis ilmu mufti Syam, Ta:j al-Di:n 'Abd al-Rahma:n bin 'Ibra:hi:m bin Diya:' al-Faza:ri: yang dikenali dengan panggilan 'Ibn al-Firka:h(m. 690H).⁷

Di sini beliau mula berusaha bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu dan mula hidup secara sederhana dan zuhud. Semasa beliau belajar dengan gurunya 'Ibn al-Firka:h beliau tidak mempunyai rumah atau tempat penginapan kerana pada awalnya beliau tidak

1 Subhi: al-Sa:lih (1970), *Minhal al-Wa:ridi:n Sharh Riya:d al-Sa:lihi:n*, J.1. Beirut: Da:r al-'Ilm Li al-Mala:yi:n, h. 28.

2 'Ibn al-'Attar (1991), *op.cit*, h.24.

3 Al-Sa:diqi: (t.t), *op.cit*, h.6.

4 Muhyi: al-Di:n 'Abu: Zakariyya: Yahya: al-Nawawi: (1982), *al-Tarkhis Bi al-Qiya:m Li Dhawi: al-Fadl Wa al-Maziyyat Min 'Ahl al-'Isla:m*. Tahkik 'Ahmad Ra:tib Hammu:sh, c.1, Damsyik: Dar al-Fikr, h. 19.

5 Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.23-24.

6 *Ibid*, h.192.

7 *Ibid*, h. 24.

memberi perhatian kepada perkara tersebut bahkan lebih memikirkan tentang pengajian. Setelah melewati beberapa waktu beliau menanyakan gurunya tentang rumah atau tempat penginapan. Keadaan Imam al-Nawawi: pada awalnya tidak diketahui gurunya sehingga keadaan tersebut diceritakan. Sheikh 'Ibn al-Firka:h tidak mempunyai sekolah kecuali Sekolah al-Sa:rimiyyat yang tidak mempunyai asrama. Lalu beliau menghantar Imam al-Nawawi: ke Sekolah al-Rawa:hiyyat. Pada masa itu Sheikh Kama:l al-Di:n 'Isha:q bin 'Ahmad bin 'Uthma:n al-Maghribi: menjadi tutor di sekolah tersebut.¹ Di sini Imam al-Nawawi: mendapat sebuah bilik penginapan yang agak kecil dan elok. Beliau menginap di sini di sepanjang beliau berada di Damsyik sehingga beliau dilantik sebagai guru di al-'Ashrafiyyat.²

Antara sebab Imam al-Nawawi memilih kamar ini sebagai persinggahan beliau untuk menuntut ilmu adalah kerana ia merupakan bangunan yang didirikan oleh para peniaga,³ manakala makanannya pula ditanggung oleh pihak sekolah.⁴ Beliau bergantung kepada makanan yang disediakan oleh pihak sekolah untuk beberapa waktu, berikutnya beliau bergantung kepada makanan yang dihantar oleh ayahnya.⁵

Dengan kemudahan yang tersedia, di samping keberkatan seorang guru yang mempunyai sifat zuhud, warak, kuat melakukan ibadat dan mempunyai kedudukan yang tinggi telah memberi dorongan kepada beliau untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu. Beliau telah menghabiskan masanya dengan belajar, menulis, mentalaah kitab, berulang alik kepada guru-gurunya⁶ dan beribadah kepada Allah SWT. Imam al-Nawawi: tidak pernah mensia-

1 Al-Sakha:wi: (1935H), *op.cit*, h.8. Lihat juga al-Hadda:d (1992), *op.cit*, h.31.

2 *Ibid*, h. 5.

3 'Abu: Muhammad 'Abd 'Alla:h bin 'As'ad bin 'Ali: bin Sulayma:n al-Ya:fi'i: al-Yamaniyy al-Makkiyy (1970), *Mir'a:t al-Jina:n Wa 'Ibra:t al-Yaqza:n*, j.4, c.2. Beirut: Mu'assasat al-'A:lamiyy Li al-Matbu:'a:t, h. 183. Lihat juga al-Hadda:d (1992), *op.cit*, h.32.

4 'Abd al-Qa:dir bin Muhammad Al-Nu'aymi: al-Demashqi: (1988), *al-Da:ris Fi Ta:ri:kh al-Mada:ris*, Tahkik Ja'far al-Husni, j.1. Mida:n al-'Atbat: Maktabat al-Thaqa:fat al-Di:niyyat, h. 24. Lihat juga al-Hadda:d (1992), *op.cit*, h.32.

5 Al-Sakha:wi: (1935H), *op.cit*, h.5.

6 *Ibid*, h.7.

siakan masanya sama ada pada waktu malam atau siang kecuali pada urusan menuntut ilmu sehingga di jalan raya. Beliau sentiasa dalam keadaan ini selama 6 tahun. Dengan kesungguhan yang disertai dengan kewarakan, muraqabah, kesucian diri dan kesungguhan untuk mencapai keredaan Allah SWT beliau telah menghafaz hadis, ilmu-ilmu hadis, perawi-perawinya, hadis-hadis sahih dan daif.¹

Beliau berpaling daripada kemewahan dan kelazatan dunia dan hidup secara sederhana. Pengajian beliau tidak pernah diganggu oleh kesibukan urusan keluarga dan anak-anak.² Selain dari makanan yang disediakan oleh pihak sekolah, beliau hanya makan makanan yang dibawa bapanya daripada kuih basah dan buah tin yang diadunkan dan beliau meninggalkan makanan yang lazat.³ Beliau makan hanya sekali sehari pada penghujung malam dan minum juga hanya sekali sehari pada waktu suhur. Beliau tidak minum minuman sejuk kerana dikhuatiri ia boleh membawa kepada mengantuk.⁴ Tujuan beliau di sebalik pengorbanan ini adalah untuk menjaga waktu dalam pengajian agar ia tidak terbuang sia-sia. Dari sudut yang lain dapat dibuat andaian bahawa keasyikan beliau dalam lautan ilmu dan beribadah kepada Allah SWT menyebabkan beliau berpaling daripada kelazatan dunia.

Beliau menceritakan bahawa beliau tidak meletakkan lambungnya ke atas bumi selama dua tahun.⁵ Beliau mensyarahkan ilmu dan memperbetulkan pemahaman melalui gurunya. Kesungguhan beliau di dalam menuntut ilmu dan keengganan beliau mendampingi orang ramai kerana kesibukan dengan ilmu berjaya memikat hati gurunya. Beliau telah dilantik sebagai tutor pada halakah gurunya bagi kebanyakan kumpulan.⁶ Perlantikan ini menggambarkan kejayaan beliau dalam menuntut ilmu.

1 Al-Nawawi: (1999), *op.cit*, h. ٤ .

2 *Ibid*, h.39.

3 *Ibid*, h.38.

4 *Ibid*, h.39. Lihat juga al-Ya:fi'i: (1970), *op.cit*, h. 183.

5 *Ibid*, h.6. Lihat juga al-Sa:diqi: (t.t), *op.cit*, h. 7. Lihat juga 'Ibn Kathi:r 'Abu: al-Fida:' 'Isma: i:l bin 'Umar bin Kathi:r al-Qurashiyy al-Demashqiyy (2004), *Tabaqa:t al-Fuqaha:' al-Sha:fi'iyyi:n*, Tahkik 'Anwar al-Ba:z, j.2, c.1. Al-Mansurah: Dar al-Wafa:', h. 347.

6 *Ibid*. Lihat juga 'Ibn al-^cAtta:r (1991), *op.cit*, h.25.

Imam al-Nawawi: sangat tekun mencari ilmu selama 20 tahun, sehingga menguasai beberapa disiplin ilmu agama, seperti Hadis dan Ilmu Hadis, Fiqah dan Usul Fiqah serta bahasa Arab. Pelajaran Hadis khususnya diperolehi daripada ulama Hadis Abu 'Isha:q 'Ibra:hi:m bin 'I:sa: al-Mura:di:, Usul fiqah daripada al-Qa:di: al-Taflis:s: dan fiqah daripada al-Kama:l 'Isha:q al-Ma:ri: dan Shams al-Di:n 'Abd al-Rahma:n al-Ma^cmari:. Kitab-kitab hadis seperti *al-Kutub al-Sittat*, *al-Musnad* dan *al-Muwatta'* dikuasainya.¹ Selain dari menguasai ilmu-ilmu tersebut beliau juga menghafaz al-Quran.²

Menurut 'Ibn al-^cAtta:r, salah seorang muridnya, beliau meluangkan masa untuk membaca setiap hari sebanyak 12 pelajaran dalam pelbagai disiplin ilmu secara berguru; dua pelajaran daripada kitab *al-Wasi:t* karangan Imam al-Ghaza:li:, satu pelajaran daripada kitab *al-Muhadhdhab*, satu pelajaran daripada kitab *al-Jama^c Bayna al-Sah:ihayn*, satu pelajaran daripada kitab *Sahi:h Muslim*, satu pelajaran daripada kitab *al-Lam^c* karangan 'Ibn Jinni:, satu pelajaran tentang mantik, satu pelajaran tentang *al-tasri:f*, satu pelajaran tentang usul fiqah yang berselangseli di antara kitab *al-Lama^c* karangan 'Ibn 'Isha:q dan kitab *al-Muntakhab* karangan Fakhr al-Ra:zi:, satu pelajaran tentang '*asma:'* *al-rija:l* dan satu pelajaran tentang usuluddin.³

Hasil dari kesungguhan dan ketekunan beliau dalam menimba ilmu, beliau telah berjaya meletakkan dirinya dalam arena penulisan dan berikutnya terlibat secara lebih professional dalam bidang perguruan dan pendidikan. Penglibatan beliau dalam kedua-dua bidang tersebut bukan hanya memberi sumbangan kepada umat Islam pada zamannya sahaja, bahkan sumbangan tersebut terus subur dan dirasai umat Islam sepanjang zaman, lebih-lebih lagi kepada pengikut-pengikut mazhab Syafii.

1 Ensiklopedia Islam (2004), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 22.

2 al-Nawawi: (1999), *op.cit*, h. 3. Lihat juga al-Sa:diqi: (t.t), *op.cit*, h. 6.

3 'Ibn al-^cAtta:r (1991), *op.cit*, h.27. Lihat juga 'Abu: 'Abd 'Alla:h Shams al-Di:n Muhammad al-Dhahabi: (1958), *Tadhkirat al-Huffaz*, j.4. Beirut: Dar 'Ihya: ' al-Tura:th al-^cArabi:, h.1470. Lihat juga al-Nawawi: (1999), *Ibid*, h. 3. Lihat juga al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.34.

Dalam lingkungan usia 29 tahun, iaitu pada tahun 660H beliau mula terlibat dalam penulisan. Penglibatan ini berterusan sehingga ke akhir hayatnya.¹ Semasa berusia 34 tahun, iaitu pada tahun 665H selepas al-Sheikh Shiha:b al-Di:n 'Abu: Sha:maṭ, beliau dilantik sebagai guru di *Dar al-Hadi:th al-'Ashrafiyyat* di Damshik tanpa menerima imbuhan atau gaji. Beliau menyandang jawatan tersebut sehingga ke akhir hayatnya.² Beliau tidak menerima hadiah daripada seseorang kecuali beberapa kali dan hanya makan makanan yang dibawa bapanya³. Selain dari itu beliau memakai pakaian daripada kapas dan serban berwarna putih uban.⁴ Keadaan ini menggambarkan kesederhanaan dan kezuhudan beliau dalam kehidupan.

Demikianlah secebis sejarah kehidupan seorang ilmuwan Islam yang berjiwa besar dan menjadi ikon umat Islam seluruhnya. Di sebalik kesungguhan, kegigihan, pengorbanan dan ketakwaan yang teguh kepada Allah SWT Imam al-Nawawi: dikurniakan kebijaksanaan dan kepintaran dalam memahami pelajaran dan menghafaznya.

Beliau menghafaz al-Quran semenjak umurnya hampir mencecah usia baligh.⁵ Faktor ini menjadi penyebab utama kepada ketajaman hafazan dan kejernihan hatinya kerana hati yang menanggung al-Quran sentiasa mendapat cahaya Ilahi. Namun demikian, beliau dapat menghafaz ilmu dengan mudah lantaran beliau telah menghafaz kalam Allah SWT yang merupakan seberat-berat kalam.⁶ Antara kepintaran beliau ialah beliau berjaya menghafaz kitab *al-Tanbi:h* karangan 'Abu: 'Isha:q al-Shira:zi: dalam masa empat bulan setengah dan menghafaz satu per empat daripada permasalahan Ibadah dalam kitab *al-Muhadhdhab* hasil karya pengarang yang sama dalam masa lapan bulan.⁷ Kedua-dua kitab tersebut merupakan kitab yang besar. Kitab *al-Tanbi:h* mempunyai 166 muka surat, manakala

1 Al-Ya:fi'i: (1970), *op.cit*, h. 183.

2 Al-Nawawi: (1999), *op.cit*, h. 3. Lihat juga al-Sa:diqi: (t.t), *op.cit*, h. 6. Lihat juga al-Nu'aymi: (1988), *op.cit*, h.25. Lihat juga 'Ibn Kathi:r (2004), *op.cit*, h. 348.

3 'Ibn Kathi:r (2004), *Ibid*, h. 348-349.

4 *Ibid*. Lihat juga al-Sa:diqi: (t.t), *op.cit*, h. 7.

5 Al-Sakha:wi: (1935H), *op.cit*, h.4.

6 Al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.38.

7 *Ibid*, h.39. Lihat juga al-Ya:fi'i: (1970), *op.cit*, h. 183. Lihat juga al-Sakha:wi: (1935H), *op.cit*, h.5.

satu per empat daripada permasalahan Ibadah dalam kitab *al-Muhadhdhab* mempunyai 257 muka surat.¹

Keagungan dan kegemilangan Imam al-Nawawi: menjadi sebutan dan ikutan para ulama sepanjang zaman. Dr. Wahbat al-Zuhayli: menyatakan tentang Imam al-Nawawi: dalam pengenalannya tentang kitab Riya:d al-Sa:lihi:n:

Aku amat menyintai Imam al-Nawawi: semenjak dari kecil, lalu aku menjadikannya sebagai contoh teladan hidupku kerana dua pekara, iaitu: kesungguhannya terhadap ilmu, belajar, mengajar, penglibatan beliau yang aktif dalam penulisan yang bermula semenjak beliau berusia tigapuluhan dan keikhlasan beliau dalam menuntut ilmu, suka menyebarkannya dan berkhidmat untuk Islam dan umatnya. Kecintaan itu lahir semenjak aku mendengar guru-guruku berulang-kali mengungkapkan kata-kata Sheikh al-^cAlla:mat Taqy al-Di:n al-Subki: tentang Imam al-Nawawi:

فِي دَارِ الْحَدِيثِ لَطِيفٌ مَعْنَى عَلَى بُسْطِ لَهَا أَصْبُوَ وَأَوْيَ
عَسَى أَنِّي أَمْسُ بِحَرٍّ وَجْهِي مَكَانًا مَسَّهُ قَدَمُ النَّوَاوِيِّ

Ini jelas menunjukkan penghormatan Imam Taqy al-Di:n al-Subki: terhadap beliau, keagungannya dan kecintaan para ulama tersohor terhadapnya.²

Imam al-Nawawi: meninggal dunia dalam usia 45 tahun. Sebelum meninggal beliau sempat pergi ke Mekah untuk menunaikan ibadat haji bersama ibu bapanya dan menetap di Madinah selama 15 bulan. Dia tidak pernah berkahwin hingga ke akhir hayatnya³. Di sepanjang kehidupan, beliau telah menunaikan ibadat Haji sebanyak dua kali dan pada penghujung usianya beliau telah menziarahi al-Quds dan al-Khali:l serta pulang ke tanahairnya lalu jatuh sakit di pangkuan

1 Al-Hadda:d.(1992), *Ibid*.

2 Al-Nawawi: (1999), *Ibid*, h..خ

3 Ensiklopedia Islam (2004), *op.cit*, h. 22.

kedua ibubapanya dan meninggal dunia pada malam Rabu, 24 Rejab 1 tahun 676H. Beliau dikebumikan di perkampungannya.²

Hasil Karya Penulisan Imam al-Nawawi:

Sejak berusia 25 tahun hingga wafat (656-676H/1257-1277M), Imam Nawawi: telah memberi sumbangan yang amat besar dalam penulisan.³ Beliau telah menghasilkan enam ratus enam puluh (660) buah kitab sebagaimana dinyatakan oleh Imam al-Zahabi:⁴ Kitab karangan beliau yang paling popular di kalangan penganut mazhab Syafii ialah *Minha:j al-Ta:libi:n*. Rentetan daripada kemunculan kitab itu, maka lahirlah kitab *Tuhfat* karangan Sheikh 'Ibn Hajar dan kitab *al-Niha:yaṭ* karangan al- Sheikh al-Ramli: sebagai ulasan kepada kitab *Minha:j al-Ta:libi:n*.⁵

Sebagai ulama agung dan berwibawa beliau telah menghasilkan karya penulisan yang banyak dalam pelbagai bidang. Karya-karya beliau menjadi rujukan umat Islam sepanjang zaman.

Kepakaran dan Sumbangan al-Nawawi: kepada Hadis

Ahli hadis sejak dari kurun yang pertama lagi telah berusaha bersungguh-sungguh dalam mengasingkan hadis Rasulullah s.a.w samada sahih, hasan, daif, *muṭal* atau *mawdu:ᶜ*. Sebagai contoh Imam al-Bukha:ri: telah mengeluarkan 4,000 hadis tanpa berulang daripada himpunan hadis berjumlah 600,000 hadis. Demikian juga Imam Muslim. Imam 'Ahmad pula telah mengeluarkan sebanyak 30,000 hadis di dalam *Musnadnya* daripada 750,000 hadis. Walaupun demikian *Musnadnya* tidak terlepas daripada hadis-hadis daif. Peredaran waktu tidak pernah sunyi daripada ahli hadis yang sentiasa berusaha dalam bidang tersebut samada dari segi pemahaman, syarahan atau pentashihan. Pada zaman pertengahan Islam terdapat ulama dalam bidang tersebut seperti 'Ibn Sala:h, Imam al-Nawawi:, al-Miziyy, al-Dhahabiyy dan 'Ibn Hajar al-ᶜAsqala:ni. Imam al-

1 Tarikh ini menepati perhitungan falak. Lihat al-Sa:diqi: (t.t), *op.cit*, h.6.

2 *Ibid*.

3 Ensiklopedia Islam (2004), *op.cit*, h.23. Pandangan ini bercanggah dengan pandangan ᶜAbd al-Ghani: al-Daqr yang menyatakan Imam al-Nawawi: mula menulis setelah beliau tinggal di Damsyik selama 10 tahun (semasa beliau berusia 29 tahun berasaskan pandangan yang menyatakan beliau tiba di Damsyik semasa berusia 19 tahun). Lihat al-Daqr (1987), *op.cit*, h.73.

4 al-Daqr (1987), *Ibid*.

5 Mahayudin Hj. Yahaya (1987), Ensiklopedia Sejarah Islam. Bangi: UKM, h. 971.

Nawawi: merupakan ulama yang paling istimewa dari kalangan ulama-ulama tersebut kerana beliau mendalami ilmu Fiqh dan ilmu al-Hadi:th.1.

Kebiasaan ulama terdahulu termasuk ahli hadis tidak menjelaskan sumber hadis dengan jelas dalam karya-karya tulisan mereka, demikian juga mereka tidak menyatakan kedudukan hadis samada sahih atau daif. Keadaan ini berlarutan sehingga muncul Imam al-Nawawi:. Beliau telah membincangkan hadis, menjelaskan sumbernya dan menyatakan kedudukan hadis dari segi kesahihannya dalam karya-karya beliau dalam bidang Fiqh.2

Kealiman beliau dalam bidang hadis mencakupi semua ilmu hadis. Beliau menguasai ilmu tersebut setara dengan ulama-ulama besar pada zamannya sebagaimana terbukti pada karya-karya tulisan beliau dalam bidang fiqh dan hadis. Sebagai contoh dalam bidang *mustalah al-hadi:th* beliau telah meringkaskan kitab '*Ulu:m al-Hadi:th* karangan 'Ibn Sala:h. Beliau menamakan ringkasan tersebut dengan nama *al-'Irsha:d*. Demikian juga kitab *al-Taqri:b* yang merupakan ringkasan kitab *al-'Irsha:d*. Selain dari itu, beliau juga mensyarahkan mukadimah *Sahi:h Muslim* berkaitan dengan ilmu *Mustalah al-Hadi:th*.3

Kealiman dan ketokohan beliau dalam bidang hadis mendapat perakuan dan pengiktirafan para ulama. Imam al-Dhahabi: dalam kitabnya *al-Tadhkirat* menyatakan:

Imam al-Nawawi selain dari merupakan seorang yang sentiasa bermujahadah terhadap dirinya, beramal dengan sifat-sifat warak dan muraqabah serta membersihkan diri daripada sifat-sifat tercela, beliau adalah seorang hafiz dalam bidang hadis, ilmu hadis, sanad-sanad hadis, kesahihan dan kedaifan hadis.4

Antara kitab-kitab hadis yang dibaca dalam pengajiannya ialah: *Sunan Sittat*, *al-Muwatta'*, *Musnad 'Ahmad*, *Musnad al-Sha:fi'i*,

1 al-Daqr (1987), *op.cit*, h.53-54.

2 Al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.20, dipetik dari Muhammad bin Sulayma:n al-Kurdi: al-Madani:(1938), *al-Fawa:'id al-Madaniyyat Fi: Baya:n 'Ikhtila:f al-'Ulama:' al-Sha:fi'iyyat*, c.1. ttp: Matba'at Mustafa: al-Ba:b al-Halabi:, 26.

3 Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.59.

4 Al-Dhahabi: (1958), h. 4/1472.

Musnad al-Da:rimi:, *Musnad 'Abu: Ya^Cla:*, *Sahih 'Abu: ^CAwa:na^t*, *Sunan al-Daraqutni:*, *Sunan Bayhaqi:* dan *Sunan al-Baghawi:*.¹ Beliau meriwayatkan kitab-kitab yang terkenal dengan sanad teratas sampai kepada para pengarang.² Ini ternyata beliau menerima ilmu secara bersanad sebagaimana para ulama sebelumnya.

Selain dari menguasai ilmu-ilmu hadis, beliau juga alim dalam bidang *fiqh al-hadi:th* yang jarang dikuasai ulama-ulama lain yang sezaman dengannya. Ini kerana kebanyakan ulama hadis pada zaman tersebut lebih memberi perhatian terhadap pengumpulan hadis, ulasan terhadapnya, pengenalan sanad-sanad hadis dan perlumbaan mereka dalam mendapatkan sanad teratas. Mana-mana hadis yang mempunyai bilangan sanad yang sedikit serta memenuhi syarat bersambung kepada Rasulullah s.a.w maka ia dianggap paling bernilai, kerana ia lebih hampir kepada kesahihan. Dalam permasalahan ini Imam 'Ahmad bin Hambal memuji Imam Syafii dengan ungkapan:

Tanpa Imam Syafii kami tidak mengenali *fiqh al-hadi:th*

Imam al-Nawawi: tidak menyembunyikan ilmunya dalam bidang hadis demikian juga dalam bidang *fiqh al-hadi:th*. Beliau mempunyai beberapa orang guru dalam bidang ini, antaranya ialah Sheikh *al-Muhaqqiq 'Abu: 'Isha:q 'Ibra:hi:m bin ^CI:sa: al-Mura:di: al-'Andalu:si: al-Sha:fi^ci:*. Beliau merupakan guru kepada Imam al-Nawawi: dalam mensyarahkan kitab *Sahi:h Muslim*, sebahagian besar kitab *Sahi:h al-Bukha:ri:* dan himpunan di antara *Sahi:h al-Bukha:ri:* dan *Sahi:h Muslim* karangan al-Hami:di:.³

Perlu dinyatakan di sini bahawa keilmuan dan keserjanaan Imam al-Nawawi: dalam bidang hadis dan fiqah di samping bidang-bidang yang lain tidak menyumbang kepada penglibatan beliau dalam bidang tafsir al-Quran al-Kari:m secara langsung. Tidak terdapat hasil karya beliau dalam bidang tafsir. Bagaimanapun penglibatan beliau dalam pentafsiran al-Quran jelas kelihatan dalam kitabnya *Sharh Muslim* dan *Fata:wa: al-'Ima:m al-Nawawi:* yang dikumpul oleh muridnya

1 Al-Tanta:wi: (1979), *op.cit*, h.17.

2 Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.56.

3 *Ibid*, h.60-61.

Sheikh °Ala:’ al-Di:n ’Ibn al-°Atta:r. Dalam kedua-dua kitab tersebut ayat-ayat al-Quran ditafsirkan dengan jelas.¹

Kepakaran dan Sumbangan Imam al-Nawawi: dalam Bidang Fiqah

Semasa Negara Islam telah mencapai kegemilangan dengan pembukaan negara-negara di Timur dan Barat oleh para sahabat dengan arahan daripada *al-Khulafa:’ al-Ra:shidi:n*, Khalifah °Uthma:n bin °Affa:n telah berusaha bersungguh-sungguh dalam mengumpul al-Quran. Hasil dari usaha beliau maka tertulislah naskhah al-Quran yang pertama dan tersebar keseluruh pelusuk Negara Islam pada zaman itu. Berikutnya pada awal kurun yang pertama, khalifah Umar bin °Abd al-°Azi:z telah memberi perhatian dalam pengumpulan dan pembukuan hadis Rasulullah s.a.w. Setelah Negara Islam mencapai kemajuan dan ketamadunan hasil dari keteguhan singgahsana kerajaan dan hubungan dengan bangsa-bangsa lain, maka Negara Islam menjadi pasaran ilmu yang laris, lebih-lebih lagi di bandar-bandar bersejarah dan pusat-pusat pemerintahan. Hal ini membawa kepada lahirnya institusi-institusi hadis yang terkenal yang dipelopori oleh penulis *al-Kutub al-Sittat* dan sebahagian daripada ulama hadis yang agung selepas mereka. Demikian juga ia membawa kepada lahirnya institusi-institusi fiqah empat mazhab yang dipelopori oleh Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafii dan Imam Ibn Hambal.²

Sejarah telah memaparkan ramai di kalangan fuqaha yang berpegang teguh dengan pandangan institusi fiqah tersebut, demikian juga dengan pandangan murid-murid mereka terdahulu. Selain dari itu sejarah juga memaparkan situasi di sebaliknya, di mana tidak ramai di kalangan fuqaha yang bersikap sederhana dan anjal dalam pandangan mereka terhadap institusi-institusi fiqah tersebut dan institusi-institusi

1 Mohd Zawawi Abdullah (1990), “Imam Nawawi *Mufassir* berdasarkan kitab *al-Tafsi:r* dalam *Sharh Muslim*” (Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan ke 3 Anjuran Bahagian Hal ehwal Islam, JPM, Pusat Islam Malaysia, Jalan Perdana, 50519 KL).

2 °Ula:’ al-Di:n ’Abu: al-Hasan °Ali: bin ’Ibra:hi:m bin Da:wud ’Ibn al-°Atta:r (1999), *Fata:wa: al-’Ima:m al-Nawawi:;* Tahkik dan *takhri:j* hadis-hadisnya oleh Mahmu:d al-’Arna:’u:t. Demikian juga takdim dan ulasan. Damsyik: Da:r al-Fikr, h.1 dan ب.

fiqah yang lain. Mereka menjauhi daripada *ta'assub* dan ekstrim. Antara mereka ialah Imam al-Nawawi: . Beliau telah mendapat pujian dan sanjungan daripada pengikut-pengikut empat mazhab ahli Sunah Waljamaah. Hampir setiap rumah muslim mempunyai kitab karangan beliau seperti *Riya:d al-Sa:lihi:n*, *al-'Adhka:r* dan *Matan al-'Arba'i:n al-Nawawiyat*. Demikian juga hampir setiap perpustakaan milik ilmuwan atau pengkaji atau penuntut ilmu yang bersungguh-sungguh mempunyai kitab karangan beliau yang agung dalam bidang hadis, fiqah dan bahasa Arab seperti *al-Majmu:c Sharh al-Muhadhdhab*, *Tahdhi:b al-'Asma:' Wa al-Lugha:t*, *Sharh Sahi:h Muslim*, *Rawdat al-Ta:libi:n* dan sebagainya. Kesederhanaan beliau dalam masalah fiqah amat jelas dalam fatwa-fatwa beliau yang telah dikumpul dan disusun berdasarkan masalah fiqah oleh muridnya yang setia 'Ula:' al-Di:n bin al-^cAtta:r dalam kitabnya *al-Fata:wa:*. Kitab *al-Fata:wa:* telah mendapat tempat dan perhatian di kalangan ulama semenjak ia disusun hingga ke hari ini.¹

Imam al-Nawawi: telah mempelajari ilmu *Fiqh al-Sha:fi'i:* daripada ulama-ulama terkenal pada zamannya. Pada masa yang singkat beliau telah menghafaz fiqah, mendalaminya, mengetahui kaedah-kaedah dan usulnya dan memahami rahsia-rahsia serta menguasai dalil-dalilnya sehingga beliau mengetahui *al-^cA:mmaf* dan *al-Kha:ssaf*. Dalam masa yang singkat beliau telah menjadi ulama yang paling alim pada zamannya dan layak bergelar *muharrir al-madhdhab* (editor doktrin).² Beliau telah mencapai darjat mujtahid mutlak sebagaimana dinyatakan sebelum ini.³ Al-'Asnawi: telah memberi sanjungan kepada Imam al-Nawawi: sebagai pengulas, pengkritik dan penyusun pendapat mazhab-mazhab.⁴

Imam al-Nawawi: dianggap sebagai seorang *murajjih*, iaitu seorang yang mengutamakan satu pendapat yang dipilihnya di antara beberapa pendapat Imam Shafii atau pendapat fuqaha mazhabnya

1 *Ibid*, h. ج ب .

2 Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.48.

3 Al-Nawawi: (1999), *op.cit*, h. د .

4 Jama:l al-Di:n ^cAbd al-Rahi:m al-'Asnawi: (1987), *Tabaqa:t al-Sha:fi'iyyat:*, j.2, c.1. Beirut: Da:r al-Kutub al-'Ilmiyyat, h. 266.

dalam masalah tertentu. Pengutamaannya itu adalah berdasarkan kepada dalil pendapat tersebut mengikut pandangannya sendiri.¹ Selain dari itu beliau seringkali mendatangkan pandangan dari beberapa mazhab termasuk mazhab Syafii lalu mentarjihkan pandangan tersebut dengan merujuk kepada hadis.²

Antara contoh pentarjihan beliau terhadap pandangan-pandangan mazhab Syafii ialah masalah *qada:*' puasa untuk orang yang telah meninggal. Dalam masalah ini beliau menyatakan:

Mazhab Syafii mempunyai dua pandangan yang masyhur dalam masalah ini. Pandangan yang pertama menyatakan pada dasarnya tidak sah berpuasa *qada:*' ke atas orang yang telah meninggal. Manakala pandangan yang kedua pula menyatakan bahawa sunat ke atas walinya berpuasa untuknya dan puasa itu sah serta ianya menghapuskan tanggungan orang yang telah meninggal. Pandangan ini merupakan pandangan yang sahih yang kita anuti. Ia merupakan pandangan yang diakui kebenarannya oleh pentahkik-pentahkik mazhab kita yang menghimpunkan di antara fiqh dan hadis³

Imam al-Nawawi: dan al-Ra:fi^ci: terkenal sebagai pentarjih. Pentarjihan mereka diterima baik oleh para fuqaha mazhab. Sekiranya berlaku pertentangan dalam pentarjihan, maka sebahagian fuqaha mazhab bersetuju dengan pendapat al-Ra:fi^ci: kerana pada zahirnya beliau lebih dekat kepada *qawa:^cid al-madhhab*, manakala sebahagian besar fuqaha pula bersetuju dengan pendapat Imam al-Nawawi: kerana beliau lebih dekat kepada hadis sahih dan lebih mengetahui tentang hadis.⁴

Selain dari itu, sekiranya didapati pendapat kedua-duanya mempunyai hujah atau dalil yang sama kuat atau pendapat Imam al-Nawawi: disokong oleh hadis yang boleh dijadikan hujah maka para

1 al-Ya:fi^ci: (1970), *op.cit*, h. 4/185.

2 Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.47.

3 Muhyi: al-Di:n 'Abu: Zakariyya: Yahya: al-Nawawi:(1987), *Sahi:h Muslim Bi Sharh al-Nawawi:*, j.8, c.1. Kaherah: Da:r al-Rayya:n Li al-Tura:th, h. 25.

4 Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.51.

fuqaha mazhab mengutamakan pendapat al-Nawawi: dari pendapat al-Ra:fi'i: dan sekiranya pendapat kedua-duanya tidak ada dalil lain yang menyokong maka pendapat yang rajih ialah pendapat yang disokong oleh dalil Imam al-Nawawi:.¹

Dalam hal yang lain terdapat pandangan Imam al-Nawawi: bertentangan dalam beberapa buah kitab karangan beliau. Dalam masalah ini dirujuk kepada kaedah “pandangan yang terkemudian menasakhkan pandangan terdahulu”.²

Pengenalan Kitab *Riya:d Al-Sa:Lih:n:*

Maksud *Riya:d al-Sa:lihi:n* dan Kandungannya

Riya:d al-Sa:lihi:n bermaksud taman orang-orang yang salih. Pemilihan nama tersebut amat sinonim dengan kandungan kitab tersebut yang merangkumi³ perkara-perkara yang membawa kepada kebaikan di dunia dan akhirat, adab-adab zahir dan batin, unsur-unsur galakan dan ancaman dan kategori golongan *al-sa:liki:n*. Pengajaran-pengajaran tersebut dipetik daripada hadis-hadis berkenaan zuhud, latihan diri, pendidikan akhlak, pembersihan hati dan rawatannya, penjagaan anggota badan dan pecegahan daripada kecacatannya dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan tujuan *al-^ca:rifi:n*.

Berdasarkan kandungan, dapat disimpulkan bahawa kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* merupakan kitab hadis yang menghimpunkan hadis-hadis berkaitan dengan *al-Raqa:'iq*, zuhud dan *fada:'il al-'A^cma:l*.⁴

Masa dan Tempat Penulisan

Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* selesai disusun pada hari Isnin tanggal 4 Ramadan tahun 670H,⁵ enam tahun sebelum Imam al-Nawawi: meninggal dunia. Berdasarkan kepada tarikh selesai penyusunan, dapat disimpulkan bahawa kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* ditulis di *Da:r al-*

1 Al-Ya:fi'i: (1970), *op.cit*, h 185.

2 Al-Daqr (1987), *op.cit*, h.52. Lihat juga al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.189-190.

3 Yu:suf bin 'Isma:'i:l al-Nabbaha:ni: (1999), *Mukhtasar Riya:d al-Sa:lihi:n*, tahkik dan ulasan oleh Mahmu:d al-'Arna:'u:t dan Muhammad 'Isma:'i:l Marwaṭ, Takdim Sheikh ^cAbd al-Qa:dir dan al-'Arna:'u:t, c1. Beirut: Mu'assasaṭ Rayya:n, Damsyik: 'Iqra', h.26.

4 Al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.281.

5 Muhyi: al-Di:n 'Abu: Zakariyya: Yahya: al-Nawawi: (1969), *Riya:d al-Sa:lihi:n*, Tahkik Ridwa:n Muhammad Ridwa:n. Beirut: Dar al-'Irsha:d Li al-Tiba:^cat Wa al-Nashr Wa al-Tawzi:^c. h. 469.

Hadi:th al-'Ashrafiyyat Damsyik, semasa beliau bertugas sebagai guru di institusi tersebut. Selain dari itu, ia juga menunjukkan kitab ini ditulis pada masa Imam al-Nawawi: telah mencapai kematangan dari sudut usia, keilmuan dan keperibadian, bahkan pada waktu itu Imam al-Nawawi: telah menggapai puncak kecemerlangan dan kegemilangan.

Sebab dan Tujuan Penulisan

Berdasarkan kepada mukadimah kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dapat disimpulkan bahawa antara sebab penulisan kitab ini ialah keinginan Imam al-Nawawi: untuk menyumbang ke arah kebaikan dan ketakwaan melalui nasihat dan bimbingan dengan harapan untuk mencapai ganjaran setimpal orang yang melakukannya, sebagaimana yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w.¹ Tekad dan keazaman beliau menggambarkan keikhlasan dan keperihatinan beliau dalam memberi nasihat kepada kaum muslimin.²

Selain dari itu, kecenderungan beliau menghimpun hadis-hadis berkaitan dengan *al-raqa:'iq*, zuhud dan *fada:'il al-'A'cma:l* membayangkan kecenderungan beliau dalam masalah tasawuf dan pendidikan ruhani di samping ilmu-ilmu yang lain. Kecenderungan beliau dalam menyebarkan sifat-sifat terpuji dan menghindarkan daripada sifat-sifat *madhmu:mat* mencerminkan keperibadian beliau yang merupakan seorang intelektual yang mantap dari segi keserjanaan dan spiritual. Kelahiran kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* boleh dikatakan sebagai salah satu usaha Imam al-Nawawi: memperturunkan ilmu berkaitan pendidikan rohani daripada hadis Rasulullah s.a.w kepada umat Islam seluruhnya.

Ciri-ciri Kitab Riya:d al-Sa:lihi:n

Antara ciri-ciri kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* ialah:

- 1) Kitab tersebut mempunyai nilai ilmiah yang amat halus. Selain dari itu, perbincangannya menyeluruh dan mendalam. Ia melambangkan keserjanaan dan keilmuan penulis.
- 2) Ia juga mengandungi nilai kerohanian yang tinggi yang dapat menguasai hati orang-orang beriman. Ia mampu menjinakkan hati dan menenangkan jiwa. Ini menunjukkan keikhlasan, kejernihan jiwa,

1 Al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h. 281.

2 al-Sakha:wi: (1935), *op.cit*, h. 96.

ketelusan niat dan kesungguhan Imam al-Nawawi: untuk memberi manfaat kepada para pembaca dan para penuntut ilmu.

- 3) Kitab ini juga cuba mencapai manfaat yang banyak, menjelaskan pandangan yang bernas atau pandangan yang betul pada satu-satu topik. Ia menunjukkan penulis seorang yang mempunyai semangat keislaman yang hebat dan wawasan yang jelas.¹

Metodologi Imam al-Nawawi: dalam Penulisan Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*

Dalam penulisan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*, Imam al-Nawawi: memilih 2000 hadis² daripada kitab-kitab hadis yang terdiri daripada hadis-hadis sahih.³ Pemilihan tersebut

dibuat dengan penuh keberkatan kerana hadis-hadis tersebut dianggap sebagai teras kepada pendidikan Islam, asas yang teguh dalam pembentukan akhlak muslim dan mengarahkannya kepada kebaikan diri, umat dan agama.⁴

Dalam penyusunan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*, Imam al-Nawawi: telah meletakkan 83 bab sebagai permulaan tanpa meletakkan kitab sebagai induk.⁵ Berikutnya beliau telah meletakkan 19 kitab mengiringi bab-bab tersebut sebagaimana berikut:

1. Kitab Berkaitan Adab.
2. Kitab Berkaitan Adab Makan.
3. Kitab Berkaitan Pakaian.

1 Al-Nawawi: (1999), *op.cit*, h. ح.

2 Para ulama mempunyai pandangan yang berbeza tentang bilangan hadis dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Antaranya ialah:

1. Dr. Wahbat al-Zuhayli: 2000 hadis sebagaimana di atas.
2. Sheikh Muhammad Na:sir al-Di:n al-'Alba:ni: 1905 hadis. Bilangan ini dinyatakan dalam mukadimah kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* suntingan beliau. Dalam meletakkan number hadis, beliau mengambilkira hadis-hadis yang diriwayatkan oleh sahabi yang bukan dari kalangan mereka yang diterima hadis oleh Imam al-Nawawi: Metodologi ini berbeza daripada metodologi ulama-ulama lain. Hal ini menjadikan bilangan hadis pada kitab suntingan beliau berbeza dari yang lain.
3. Sheikh Shu^oayb al-'Arna:'u:t: 1896 hadis. Bilangan ini dinyatakan dalam mukadimah kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* suntingan beliau.

3 Kenyataan ini berasaskan kenyataan Imam al-Nawawi: dalam mukadimah kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*.

4 *Ibid*, h. ث.

5 Terdapat penyunting kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* meletakkan nama kitab bagi bab-bab ini dengan nama kitab *al-Muqaddima:t*. Lihat *Riya:d al-Sa:lihi:n* (atas talian) <http://www.al-eman.com/Islamlib>

4. Kitab Berkaitan Adab tidur.
5. Kitab Berkaitan Memberi Salam.
6. Kitab Berkaitan Menziarahi orang sakit.
7. Kitab Berkaitan Mengiringi Jenazah.
8. Kitab Berkaitan Fadilat.
9. Kitab Berkaitan Iktikaf.
10. Kitab Berkaitan Haji.
11. Kitab Berkaitan Jihad.
12. Kitab Berkaitan Ilmu.
13. Kitab Berkaitan Mumuji Allah dan Bersyukur.
14. Kitab Berkaitan Selawat ke atas Nabi s.a.w.
15. Kitab Berkaitan Zikir.
16. Kitab Berkaitan Doa.
17. Kitab Berkaitan Perkara-perkara yang Dilarang
18. Kitab Berkaitan *al-Manthu:raṭ Wa al-Malah*

Kitab-kitab ini mempunyai beberapa bab, lapan daripanya tidak mempunyai bab.1.

Selain dari itu, beliau mengenengahkan pada setiap bab isi kandungannya, kepentingan dan kelebihan serta definisi-definisi penting. Di samping itu, beliau juga mengenengahkan ayat-ayat al-Quran yang bersesuaian dengan tajuk dan berkaitan dengan bab secara langsung serta menepati tujuan dan matlamat. Beliau juga memilih tajuk yang bersesuaian dengan bab. Kebanyakan tajuk-tajuk tersebut ringkas. Sebaliknya, terdapat juga tajuk-tajuk yang panjang yang menjelaskan kandungan bab dan kalimah dari segi syarak.²

Dari aspek yang lain, beliau juga menjelaskan beberapa kalimah dan jumlah yang susah untuk difahami serta nama-nama individu dan tempat yang tidak diketahui mengiringi teks hadis.³ Di samping itu, beliau menjelaskan perkara-perkara penting yang memerlukan penerangan sebagai pembuka bicara kepada bab yang berkenaan dan hadis yang akan dibincangkan sebagaimana pada Bab Taubat.⁴

Kebanyakan hadis dalam kitab ini dipetik daripada kitab *Sahi:h al-Bukha:ri*: dan *Sahi:h al-Muslim*. Imam al-Nawawi: menggunakan istilah *Muttafaq 'alayh* bagi hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukha:ri: dan Imam al-Muslim dan lafaz *Sahi:h* atau *Hasan* bagi hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Turmudhi: atau imam-

1 Al-Nawawi: (1999), *op.cit*, h. ٢.

2 *Ibid*, h.٢.

3 *Ibid*.

4 Al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h. 293.

imam yang lain. Pembaca kitab ini hampir tidak mendapati hadis-hadis yang tidak sahih atau hasan. Ini menunjukkan keupayaan Imam al-Nawawi: dan kehalusan beliau dalam memilih hadis.¹

Dari segi perawi hadis, beliau hanya menyebut perawi dari kalangan sahabat sahaja.² Beliau menjelaskan mana-mana hadis yang diriwayatkan daripada kitab-kitab hadis yang disebut hanya 1 lafaz sahaja sebagaimana pada hadis bilangan 2, 98 dan 196.³ Demikian juga beliau hanya mendatangkan ayat-ayat al-Quran pada sesetengah bab tanpa mendatangkan hadis sekiranya hadis berkenaan telah disebut sebelumnya sebagaimana pada Bab Renungan terhadap Kebesaran Makhluq Allah SWT. Memandangkan ikrab memainkan peranan penting dalam pemahaman makna hadis, beliau mengikrabbkan mana-mana hadis yang memerlukannya sebagaimana pada hadis bilangan 145 dan 316.⁴

2.2.6 Metodologi Imam al-Nawawi: dalam Pengambilan Hadis

Imam al-Nawawi: meriwayatkan hadis dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* bersandarkan kepada sembilan buah kitab hadis yang utama sebagaimana jadual di bawah:⁵

Jadual 2.1: Sumber Hadis-hadis Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*

Perawi	Riw Bukha:ri: dan Muslim	Riw Bukha:ri: Sahaja	Riw Muslim Sahaja	Riw 'Abu: Da:wud	Riw Turmudhi:	Riw Nasa:'i:	Riw Hakim	Riw Imam Ma:lik	Riw Imam lain
Jumlah	774	212	511	214	274	14	10	3	7

Daripada jumlah hadis keseluruhan (1896 hadis) yang terdapat dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* didapati 85.6% daripadanya merupakan Hadis Sahih, 5.7% Hadis Hasan Sahih, 7.7% Hadis Hasan dan 0.9% Hadis Daif.⁶ Bagaimanapun di sana terdapat percanggahan pendapat di antara Imam al-Nawawi: dan ulama lain berhubung perakuan beliau. Beliau meriwayatkan segala hadis dalam kitab tersebut

1 Al-Nawawi:(1999), *op.cit*, h. ج.

2 Al-Nawawi:(1999), *op.cit*, h. ج.

3 Bilangan ini berasaskan susunan Sheikh Shu^cayb al-'Arna:'u:t. Penulis dapati bilangan tersebut di atas menyamai bilangan yang disusun oleh Dr. ^cAli: ^cAbd al-Hami:d 'Abu: al-Khayr. Lihat al-Nawawi: (1999), *Ibid*. Lihat susunan nombor hadis.

4 Al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h. 294.

5 Kamarul Azmi Jasmi et al. (2003), *op.cit*, h. 4.

6 Kamarul Azmi Jasmi et al. (2003), *op.cit*, h.4.

bersandarkan kepada tujuh martabat Hadis Sahih. Imam al-Nawawi: menegaskan bahawa secara umumnya hadis-hadis di dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* sebagai Sahih dan sebahagian kecil pula ialah hadis Hasan Sahih dan hadis Hasan. Namun begitu panduan penentuan Hadis Sahih ini kadangkala tidak dipersetujui oleh ulama yang lain seperti, 'Ahmad Ra:tib Hammu:sh, pentahkik kitab tersebut. Berdasarkan senarai beliau terdapat 17 petikan Hadis Daif dalam kitab ini.¹

Merujuk kepada kenyataan Imam al-Nawawi: bahawa beliau hanya memilih hadis-hadis Sahi:h, al-Syeikh al-'Alba:ni: berpendapat bahawa kenyataan itu bersifat umum dan yang dimaksudkan dengan Sahih ialah hadis-hadis yang kuat, merangkumi Hadis Hasan dan yang lebih tinggi darjatnya daripada Hasan. Istilah ini merupakan istilah yang digunakan oleh para ulama hadis sebelum Imam al-Turmudhi:. Beliau mempopularkan pembahagian Hadis Makbul kepada Sahih dan Hasan sebagaimana gurunya Imam al-Bukha:ri:.²

Dalam permasalahan ini, al-^oAlla:maṭ 'Ibn al-^oAlla:n berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan Hadis Sahih ialah Hadis Makbul. Ia merangkumi hadis Hasan, *Hasan Li Ghayrih* dan Hadis Daif yang boleh diterima (pada perkara-perkara berkaitan *fada:'il al-'A^oma:l*.³ Selain dari itu, Syeikh al-'Arna:'u:t menyatakan bahawa kewujudan hadis-hadis daif yang amat sedikit dalam kitab ini(46 hadis) tidak menjejaskan nilai dan keagungannya yang mempunyai 1848 Hadis Sahih.⁴Oleh yang demikian, hadis-hadis daif dalam kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* tidak terkeluar daripada kumpulan hadis-hadis yang diterima pakai. Sekiranya terdapat hadis-hadis daif yang terkeluar daripada kumpulan tersebut, maka ia amat sedikit berbanding hadis-hadis Hasan dan Sahih. Justeru itu, penghujahan berasaskan kepada umum dan majoriti.⁵

1 *Ibid.*

2 Muhyi: al-Di:n 'Abu: Zakariyya: Yahya: al-Nawawi:(1984), *Riya:d al-Sa:lihi:n*, Tahkik Syeikh Muhammad Na:sir al-Di:n al-'Alba:ni:, c. 2. Beirut: al-Maktab al-'Isla:mi:, h. 5-6.

3 Al-Sa:diqi: Muhammad bin ^oAlla:n (t.t), j.1, *op.cit*, h. 22.

4 Muhyi: al-Di:n 'Abu: Zakariyya: Yahya: al-Nawawi: (2000), *Riya:d al-Sa:lihi:n*, Tahkik Syeikh Shu^oayb al-'Arna:'u:t, c. 2. Beirut: Mu'assasaṭ al-Risa:laṭ, h.10.

5 Al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h. 289.

Sambutan Ulama Terhadap Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*

Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* telah mendapat sambutan hangat daripada para ulama seantero dunia. Ulama terawal memberikan perhatian terhadap kitab ini ialah Allamah Syeikh Muhammad 'Ibn al-^cAlla:n al-Siddi:qi: (m.1057H). Beliau telah mensyarahkan kitab ini secara terperinci merangkumi aspek ilmiah dan hadis dalam kitab yang dinamakan *Dali:l al-Fa:lihi:n Li Turuq Riya:d al-Sa:lihi:n*. Kitab ini mempunyai 4 jilid yang tebal. Selepas daripada usaha beliau, terdapat ramai dari kalangan ulama memberi perhatian terhadap kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* sehingga ke hari ini, samada mensyarahkan kitab tersebut atau mentahkikkannya atau meringkaskannya. Selain dari itu, terdapat juga ulama yang membuat kajian secara ilmiah tentang kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dan tidak kurang juga yang menterjemahkannya. Sambutan para ulama terhadap kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* dapat dilihat secara terperinci dalam perbincangan di bawah ini.¹

Antara ulama yang mensyarahkan kitab tersebut selepas Allamah Syeikh Muhammad 'Ibn al-^cAlla:n al-Siddi:qi: ialah:

- 1) Dr. Subhi: al-Sa:lih. Beliau memfokuskan syarahan kalimah-kalimah yang *ghari:b* dengan bahasa yang mudah tanpa memberi perhatian kepada aspek-aspek yang lain. Kitab ini mempunyai 2 jilid, dinamakan *Minhal al-Wa:ridi:n*.
- 2) Dr. al-Husayni: ^cAbd al-Maji:d Ha:shim dalam kitabnya *Sharh kita:b Riya:d al-Sa:lihi:n*. Beliau menekankan *ghari:b al-Hadi:th* dengan menjelaskan maksudnya dan menyebut pengajaran hadis berdasarkan metodologi pendidikan yang berkesan. Kitab ini mempunyai 2 jilid yang tebal.
- 3) Kumpulan ulama yang terdiri daripada Dr. Mustafa: Sayd al-Khan, Dr Mustafa: al-Bugha:, Ustaz Muhyi: al-Di:n Mistu:, Ustaz ^cAli: al-Sharbi:ji: dan Ustaz Muhammad 'Ami:n Lutfi:. Mereka menamakan kitab ini dengan *Nuzhat al-Muttaqi:n Sharh Riya:d al-Sa:lihi:n*. Kitab ini mempunyai 2 jilid.

Manakala ulama yang mentahkik kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* ialah ;

- 1) Syeikh Muhammad Na:sir al-Di:n al-'Alba:ni:. Beliau mentahkik, mentakhrij, menta^cliq dan meletakkan nombor hadis dengan penuh teliti berasaskan metodologi ahli hadis. Dalam meletakkan number hadis, beliau mengambilkira hadis-hadis yang diriwayatkan oleh sahabi yang bukan dari kalangan mereka yang diterima hadis oleh Imam al-Nawawi:, sebagaimana hadis-hadis bernombor 5, 100, 138, 140, 175, 286 dan 386. Metodologi ini berbeza dari metodologi

1 Al-Hadda:d.(1992), *op.cit*, h.296-300.

ulama-ulama lain. Hal ini menjadikan bilangan hadis pada kitab suntingan beliau berbeza dari yang lain.

- 2) Syeikh Shu[‘]ayb al-’Arna:’u:t. Beliau mentahkik, mentakhrij dan menta[‘]liq hadis-hadis kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Dalam mentakhrij hadis, beliau hanya merujuk kepada kitab-kitab yang disandarkan oleh Imam al-Nawawi: dan beberapa kitab lain.
- 3) Syeikh Muhyi: al-Di:n al-Jarrah. Beliau mentahkik kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n*. Usaha beliau disemak oleh Syeikh Muhammad [‘]Ali: al-Sa:bu:ni:.

Dalam usaha meringkaskan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* terdapat beberapa orang ulama yang terlibat, antaranya:

- 1) Al-Shaykh Yu:suf al-Nabha:ni:. Beliau meringkaskan kitab tersebut kepada 24 bab secara teratur merangkumi 120 pelajaran. Kitab ini dinamakan kitab *Mukhtasar Riya:d al-Sa:lihi:n*.
- 2) Ustaz [‘]Abd al-Hami:d Mirda:d. Beliau menamakan kitab *mukhtasar* beliau dengan *’Itha:f al-Muslimi:n Fi: Tashi:l ’Ikhtisa:r Riya:d al-Sa:lihi:n*. Antara kelebihan kitab ini ialah terdapat pentafsiran kepada ayat-ayat al-Quran dan syarahan ringkas kepada hadis.

Manakala ulama yang membuat kajian secara ilmiah berkenaan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* ialah Dr. Sa:lih ’Ahmad Rida: dalam kitabnya *Qutu:f Min Riya:d al-Sa:lihi:n*. Beliau menjelaskan tajuk kitab tersebut dengan ungkapan *Dira:sat Tahli:liyyat Li ’Aha:di:th Mukhta:rat Min Kit:ab Riya:d al-Sa:lihi:n*. Antara metodologi kitab ini ialah ia memulakan perbincangan setiap hadis dengan mukadimah yang memudahkan penghayatan hadis tersebut, diikuti dengan teks hadis, pengenalan perawi hadis dari kalangan sahabat, penjelasan mufradat hadis yang merangkumi aspek ikrab dan balaghah. Seterusnya, beliau mensyarahkan hadis secara terperinci dan menjelaskan tempat wujudnya hadis serta mentakhrijkan hadis-hadis tersebut dengan baik sebagai *ha:mish*.

Di Malaysia, terdapat beberapa naskhah terjemahan dan kupasan kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* ke dalam bahasa Melayu samada bahasa Malaysia atau Indonesia.

Penutup

Kitab *Riya:d al-Sa:lihi:n* merupakan kitab hadis yang membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan akhlak dan adab. Berdasarkan kajian, ternyata kitab ini mendapat tempat yang istimewa di kalangan umat Islam dari masa ke semasa terutamanya di Malaysia. Ia merupakan karya ulama agung yang mendapat sanjungan dalam

kalangan sarjana Islam sezaman dengannya dan para sarjana Islam berikutnya hingga ke hari ini. Keagungannya dalam bidang keilmuan disokong oleh keperibadiannya yang mulia. Beliau telah meninggalkan karya penulisan yang banyak dan bernilai yang menjadi rujukan para ulama Islam sepanjang zaman, khususnya pengikut mazhab Syafii.

RUJUKAN

- 1) °Abd al-Ghani: Al-Daqr, 1987. *Al-'Ima:m al-Nawawi:*, c.3. Beirut: Dar al-Qalam.
- 2) °Abd al-Qa:dir bin Muhammad Al-Nu°aymi: al-Demashqi: (1988), *al-Da:ris Fi Ta:ri:kh al-Mada:ris*, Tahkik Ja°far al-Husni, j.1. Mida:n al-°Atba: Maktaba: al-Thaqa:fa: al-Di:niyya:
- 3) °Abu: °Abd °Alla:h Shams al-Di:n Muhammad al-Dhahabi: (1958), *Tadhkirat al-Huffaz*, j.4. Beirut: Dar °Ihya:° al-Tura:th al-°Arabi
- 4) °Abu: Muhammad °Abd °Alla:h bin °As°ad bin °Ali: bin Sulayma:n al-Ya:fi°i: al-Yamaniyy al-Makkiyy (1970), *Mir'a:t al-Jina:n Wa °Ibra: al-Yaqza:n*, j.4, c.2. Beirut: Mu°assasa: al-°A:lamiyy Li al-Matbu:°a:t
- 5) °Ahmad °Abd al-°Azi:z Qa:sim Al-Hadda:d, 1992. *Al-'Ima:m al-Nawawi Wa °A:tha:ruh Fi: al-Hadi:th*. Beirut Lubnan: Da:r al-Basha:°ir al-'Isla:miyya:.
- 6) °Ali: Al-Tanta:wi:, 1979. *Al-'Ima:m al-Nawawi*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- 7) Ensiklopedia Islam (2004), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- 8) °Ibn Kathi:r °Abu: al-Fida:° °Isma:°i:l bin °Umar bin Kathi:r al-Qurashiyy al-Demashqiyy (2004), *Tabaqa:t al-Fuqaha:° al-Sha:fi°iyyi:n*, Tahkik °Anwar al-Ba:z, j.2, c.1. Al-Mansurah: Dar al-Wafa:°
- 9) Jama:l al-Di:n °Abd al-Rahi:m al-'Asnawi: (1987), *Tabaqa:t al-Sha:fi°iyya:.*, j.2, c.1. Beirut: Da:r al-Kutub al-°Ilmiyya:
- 10) Kamarul Azmi Jasmi et al. (2003), "Metodologi Pendidikan Pembangunan Insan: Satu Kajian Khas *Kita:b Riya:d al- Sa:lihi:n*" (Kertas Kerja Wacana Pendidikan Islam Siri 3, Anjuran Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia)
- 11) Mahayudin Hj. Yahaya (1987), Ensiklopedia Sejarah Islam. Bangi: UKM
- 12) Mohd Zawawi Abdullah (1990), "Imam Nawawi *Mufassir* berdasarkan kitab *al-Tafsi:r* dalam *Sharh Muslim*" (Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan ke 3 Anjuran Bahagian Hal ehwal Islam, JPM, Pusat Islam Malaysia, Jalan Perdana, 50519 KL).
- 13) Muhammad bin °Abd al-Rahma:n al-Sakha:wi: (1935), *Tarjamat al-'Ima:m al-Nawawi:*. Kaherah: Matba°a: Jam°iyya: al-Nashr Wa al-Ta°li:f Bi al-'Azhar
- 14) Muhammad bin °Ahmad bin °Abd al-Ba:ri: al-'Ahdal(1359H), *Al-Kawa:kib al-Durriyya: °Ala: al-Mutammima: al-'Ajru:miyya:*, j.1. Mesir: Mustafa: al-Ba:bi al-Halabi:
- 15) Muhammad bin °Alla:n al-Sa:diqi: (t.t), *Dali:l al-Fa:lihi:n Li Turuq Riya:d al-Sa:lihi:n*. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyya:
- 16) Muhammad bin Sulayma:n al-Kurdi: al-Madani:(1938), *al-Fawa:°id al-Madaniyya: Fi: Baya:n °Ikhila:f al-°Ulama:° al-Sha:fi°iyya:*, c.1. ttp: Matba°a: Mustafa: al-Ba:b al-Halabi:, 26.

- 17) Muhyi: al-Di:n 'Abu: Zakariyya: Yahya: al-Nawawi: (1969), *Riya:d al-Sa:lihi:n*, Tahkik Ridwa:n Muhammad Ridwa:n. Beirut: Dar al-'Irsha:d Li al-Tiba:°at Wa al-Nashr Wa al-Tawzi:°
- 18) Muhyi: al-Di:n 'Abu: Zakariyya: Yahya: al-Nawawi: (1982), *al-Tarkhis Bi al-Qiya:m Li Dhawi: al-Fadl Wa al-Maziyyat Min 'Ahl al-'Isla:m*. Tahkik 'Ahmad Ra:tib Hammu:sh, c.1, Damsyik: Dar al-Fikr.
- 19) Muhyi: al-Di:n 'Abu: Zakariyya: Yahya: al-Nawawi:(1984), *Riya:d al-Sa:lihi:n*, Tahkik Syeikh Muhammad Na:sir al-Di:n al-'Alba:ni:, c. 2. Beirut: al-Maktab al-'Isla:mi:
- 20) Muhyi: al-Di:n 'Abu: Zakariyya: Yahya: al-Nawawi:(1987), *Sahi:h Muslim Bi Sharh al-Nawawi:.*, j.8, c.1. Kaherah: Da:r al-Rayya:n Li al-Tura:th, h. 25.
- 21) Muhyi: al-Di:n 'Abu Zakariyya: Yahya: al-Nawawi: (1999), *Riya:d al-Sa:lihi:n Min Kala:m Sayyid al-Mursali:n, Taqri:z wa Taqdi:m* Wahbat al-Zuhayli:, *Tahqi:q, Takhri:j wa Ta'li:q 'Aha:di:thuha:* °Ali: °Abd al-Hami:d 'Abu: al-Khayr, c.2. Damsyik-Beirut: Dar al-Khayr
- 22) Muhyi: al-Di:n 'Abu: Zakariyya: Yahya: al-Nawawi: (2000), *Riya:d al-Sa:lihi:n*, Tahkik Syeikh Shu°ayb al-'Arna:'u:t, c. 2. Beirut: Mu'assasat al-Risa:lat
- 23) Subhi: al-Sa:lih (1970), *Minhal al-Wa:ridi:n Sharh Riya:d al-Sa:lihi:n*, J.1. Beirut: Da:r al-'Ilm Li al-Mala:yi:n
- 24) Ta:j al-Di:n °Abd al-Wahhab bin Taqy al-Di:n al-Subki: (1964), *Tabaqa:t al-Sha:fi'iyyat al-Kubra:.*, Tahkik °Abd al-Fattah Muhammad al-Hulu, Mahmu:d Muhammad al-Tana:hi:, j.8. Kaherah: °I:sa: al-Ba:bi al-Halabi:
- 25) °Ula:' al-Di:n 'Abu: al-Hasan °Ali: bin 'Ibra:hi:m bin Dawu:d 'Ibn al-°Atta:r (1991), *Tuhfat al-Ta:libi:n Fi: Tarjamat al-Nawawi:.* Tahkik Fu'a:d °Abd al-Mun°im 'Ahmad. Iskandariyah: Mu'assasat Shaba:b al-Ja:mi°at
- 26) °Ula:' al-Di:n 'Abu: al-Hasan °Ali: bin 'Ibra:hi:m bin Da:wud 'Ibn al-°Atta:r (1999), *Fata:wa: al-'Ima:m al-Nawawi:.*, Tahkik dan *takhri:j* hadis-hadisnya oleh Mahmu:d al-'Arna:'u:t. Demikian juga takdim dan ulasan. Damsyik: Da:r al-Fikr, h.1 dan 2.
- 27) Yu:suf bin 'Isma:°i:l al-Nabbaha:ni: (1999), *Mukhtasar Riya:d al-Sa:lihi:n*, tahkik dan ulasan oleh Mahmu:d al-'Arna:'u:t dan Muhammad 'Isma:°i:l Marwat, Takdim Sheikh °Abd al-Qa:dir dan al-'Arna:'u:t, c1. Beirut: Mu'assasat Rayya:n, Damsyik: 'Iqra'
- 28) *Wiza:rat al-'Awqa:f Wa al-Shu'u:n al-'Isla:miyyat* (1993), *Al-Mawsu: °at al-Fiqhiyyat*, j.1, c.4. Kuwait.



Metodologi Huraian al-Taftazani Terhadap Hadis-Hadis “*Al-Arba’in Al-Nawawiyyah*”

Oleh: Rosni binti Wazir¹

Abstrak:

Al-Taftazani adalah seorang tokoh tasawuf yang telah berjaya menghasilkan karyanya iaitu *Sharh al-Taftazani ‘Ala al-Ahadith al-Arba’in al-Nawawiyyah*. Sebagai seorang tokoh yang hebat dalam bidang tasawuf, kecenderungannya itu telah dipamerkan dengan jelas di dalam karya ini. Penulisan ini akan meneliti metodologi yang digunakan oleh al-Taftazani tertutamanya melibatkan ciri-ciri tasawuf yang menjadi kecenderungannya dan sedalam manakah sentuhannya terhadap ilmu hadis berdasarkan huraian yang dilakukannya.

Pendahuluan

Sharh al-Ahadith al-Arba’in al-Nawawiyyah merupakan salah satu daripada karya al-Taftazani dan ia merupakan huraian kepada *al-Arba’in al-Nawawiyyah*. Karya ini telah disenaraikan oleh Haji Khalifah di dalam *Kashf al-Zunun* sebagai salah satu karya *al-Arba’in*, namun setelah diteliti, ia sebenarnya merupakan karya syarah bagi *al-Arba’in al-Nawawiyyah*. Sebagai tokoh tasawuf, kecenderungannya terpamer dengan jelas di dalam karyanya ini, namun begitu beliau tidak meninggalkan aspek-aspek lain yang penting dalam metodologi huraiannya.

Biodata al-Taftazani

Sa‘ad al-Taftazani yang dilahirkan pada kurun ke 7H/13M merupakan tokoh yang terkenal dalam bahasa Arab, *al-mantiq*, *usul al-fiqh*, tafsir, *al-kalam* dan lain-lain. Beliau adalah kelahiran wilayah *al-‘ajamiyyah* (bukan Arab) dan tidak pernah menjejakkan kaki ke wilayah Arab. Sepanjang pencarian ilmunya, al-Taftazani telah melalui satu *rihlah ‘ilmiyyah* yang sangat hebat. Segala masa dan usaha yang ada dicurahkan untuk kerja-kerja mengajar, menulis, mendidik dan bermuzakarah sesama ulama pada waktu itu. Hasilnya, telah lahir ramai murid-murid yang hebat serta karya-karya yang bermutu tinggi, sama ada dalam bentuk karya asal, huraian, ulasan atau ringkasan.

¹ Pensyarah Jabatan al-Quran & al-Sunnah, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Nama beliau sebenarnya adalah Mas'ud bin Umar bin 'Abd Allah al-Taftazani¹ al-Harawi² al-Syafi'i³ al-Khurasani⁴, atau lebih dikenali sebagai Sa'ad al-Din al-Taftazani⁵. Terdapat satu sahaja *kunniyah* yang diberikan kepada al-Taftazani iaitu Abu Sa'id, sebagaimana yang dinyatakan oleh Dr. 'Abd Allah 'Ali al-Mala.⁶

Al-Taftazani dilahirkan di Taftazan pada 722H/1322M⁷, sebuah kawasan berhampiran Nasa, sebuah bandar berhampiran Khurasan. Ia terletak berhampiran Sarkhas, Marw dan Naysabur.

Al-Taftazani berasal daripada sebuah keluarga yang terkenal. Bapanya, 'Umar yang diberi gelaran "Fakhr al-Din" atau "Zayn al-Din" merupakan seorang yang berilmu dan memegang jawatan qadi. Datuknya yang bernama 'Abd Allah diberi gelaran "Burhan al-Din" juga seorang kadi yang terkenal dan mempunyai kelayakan ilmu yang tinggi. Kehebatan yang dimiliki oleh keturunan ini jelas sekali mewarisi keilmuan yang dimiliki oleh moyangnya yang digelar "Syams al-Haq wa al-Din".⁸

Beliau meninggal dunia pada hari Isnin, 22 Muharram 792H/10 Januari 1390M di Samarqand. Kerandanya dipindahkan ke Sarkhas dan disemadikan di sana pada hari Rabu, 8 Jamadil Awwal tahun yang sama⁹.

1 Nisbah kepada Taftazan, kampung kelahirannya.

2 Nisbah kepada Harah, di mana sebahagian masa hayatnya dihabiskan di sini.

3 Nisbah kepada mazhab al-Shafi'i.

4 Nisbah kepada Khurasan, bandar kelahirannya.

5 al-Shaukani (2006), *al-Badr al-Toli' bi Mahasin man Ba'd al-Qarn al-Sabi'*, Beirut: Dar Ibn Kathir, cet. 1, j.2, h. 294. Lihat juga Yusuf bin Taghr Barda al-Atabaki (1988), *al-Manhal al-Safi wa al-Mustawfa Ba'd al-Wafa*, Dr. Nabil Muhammad 'Abd al-'Aziz (*tahqiq*), ttc: Markaz Tahqiq al-Turath, j.5, h. 190.

6 Dr. 'Abd Allah 'Ali Husyan al-Mala (1996), *op.cit.*, h.149.

7 Berdasarkan kepada tempat lahirnya, maka jelaslah bahawa al-Taftazani ini bukanlah seorang yang berbangsa Arab, bahkan beliau adalah *al-'ajam* yang berbangsa Parsi (Iran). Lihat Muhammad Farid Wajdi (t.t), *Da'irah al-Ma'arif al-Qarn al-'Isyrun al-Rabi' 'Ashar – al-'Ishrin*, Beirut: Dar al-Fikr, j.2, h.677. Sehingga kini tiada karya yang menyebut secara jelas awal penghidupan al-Taftazani di kampung halamannya ini. Namun begitu, kebanyakan penulis mempunyai keyakinan yang sama iaitu di sinilah al-Taftazani memperoleh pendidikan awalnya dan beliau tidak menghabiskan masa yang lama di sana.

8 Dr. 'Abd Allah 'Ali Husyan al-Mala (1996), *op.cit.*, j.1, h. 159.

9 Al-Mirza Muhammad Baqir al-Mawsa al-Khawansari al-Asbihani (1991), *op.cit.*, h.36.

Sekiranya dilihat pada kehidupan al-Taftazani pada kurun ke 8H, kita akan mendapati bahawa beliau dikelilingi oleh imam-imam dan ilmuwan Islam yang hebat kerana ia merupakan zaman kecemerlangan fikrah dan ilmu Islam.

Al-Taftazani mempunyai ramai teman ilmuwan yang hidup sezaman dengannya pada waktu itu seperti Imam al-Isnawi (704H/1304M - 772H/1370M), Ibn Kathir (706H/1306M - 774H/1372M), Taj Al-Din al-Subki (727H/1327M - 771H/1369M), Ibn al-Muhibb al-Samit (712H/1312M - 789H/1387M), Burhan al-Din Ibn Jama'ah (720H/1320H - 790H/1388M), al-Zarkasyi (745H/1344M - 794H/1392M) dan ramai lagi. Menurut pandangan Dr. 'Abd Allah 'Ali al-Mala, Sa'ad al-Taftazani berada pada liganya yang tersendiri berbanding tokoh-tokoh lain pada waktu itu kerana mereka mengkhusus pada 4 ilmu yang utama iaitu hadis, tafsir, fekah dan 'akidah, manakala al-Taftazani pula mengkhusus *ilm al-kalam, usul al-feqh, ilm al-mantiq* dan *al-balaghah*.¹

Metode Huraian al-Taftazani Di Dalam *al-Arba'in al-Nawawiyah*.

1) Mensyarahkan hadis berdasarkan dalil al-Quran

Ini merupakan satu metodologi yang jarang sekali diabaikan oleh kebanyakan penulis dalam mensyarahkan hadis, termasuklah al-Taftazani. Gaya begini boleh dilihat pada semua hadis yang dihuraikannya.

Contoh: Hadis 23

Beliau menghuraikan makna *شَطْرَ الْإِيمَانِ*, iaitu: yang dimaksudkan sebagai sebahagian daripada iman adalah solat. Sebagaimana yang difirmankan oleh Allah Taala:

﴿وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَانَكُمْ﴾

Surah al-Baqarah (2): 143

Maksudnya: Dan sesungguhnya Allah tidak akan mensia-siakan iman kamu.

Meneliti maksud “iman kamu” itu membawa maksud “solat kamu”. Solat dikaitkan dengan iman kerana kesan solat yang besar dan mulia terhadap manusia.²

1 Dr. 'Abd Allah 'Ali Husayn al-Mala (1996), *op.cit.*, j.1, h.203.

2 Sa'd al-Din al-Taftazani (2004), *Sharh al-Taftazani 'ala al-Ahadith al-Arba'in al-Nawawiyah*, Muhammad Hasan Muhammad Hasan Ismail (*tahqiq*), Beyrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, cet.1, h.143.

2) Mensyarahkan hadis dengan hadis.

al-Taftazani juga ada berdalil dengan hadis-hadis Nabi ﷺ sewaktu mensyarahkan hadis-hadis di dalam *al-Arba'in al-Nawawiyah* ini. Ia dinyatakan sama ada dengan membawa *matn* hadis tersebut atau sekadar menyatakan makna riwayat sahaja.

Contoh: Hadis 2

Sewaktu membincangkan tentang makna hadis "ووضع كفيه على فخذه", beliau berkata: Meletakkan tangan itu bermakna di atas lutut Nabi Muhammad ﷺ sebagaimana yang disebut dalam hadis yang sama yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i.1

Hadis 2 dalam senarai *al-Arba'in al-Nawawiyah* ini adalah riwayat Muslim dan ia tidak menyatakan atas lutut siapakah tangan itu diletakkan, sama ada di atas lutut Jibril sendiri atau di atas lutut Nabi Muhammad ﷺ. Sebagai jawapannya, beliau meminta pembaca untuk merujuk kepada hadis sama dengan riwayat al-Nasa'i.2

3) Mensyarahkan hadis dengan *al-athar*.

Metode ini adalah paling sedikit digunakan oleh al-Taftazani jika hendak dibandingkan dengan metode-metode utama yang lain. Penulis hanya menemui lima contoh sahaja di keseluruhan karya ini.

Contoh: Hadis 40

Al-Taftazani mengaitkan perkara-perkara baik yang perlu direbut sebelum ia hilang adalah seperti angin yang dipuisikan oleh Sayyidina Ali karramallahu wajhah:

Apabila bertiupnya angin, ambillah peluang ini untuk menikmatinya,

1 Al-Taftazani (2004), *ibid.*, h.64.

2 Al-Imam Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Shu'ab bin 'Ali bin Bahr al-Nasa'i (1988), *Sunan al-Nasa'i*, Nasir al-Din al-Albani (*ta'liq*), Kitab al-Iman wa Shara'ihi, Sifat al-Iman wa al-Islam, no.4991, Riyad: Maktabah al-Ma'arif wa al-Tawzi', h.758.

Hadis yang dimaksudkan adalah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ وَأَبِي ذَرٍّ قَالَا كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَجْلِسُ بَيْنَ ظَهْرَاتِي أَصْحَابِهِ فَيَجِيءُ الْغَرِيبُ فَلَا يَدْرِي أَيُّهُمْ هُوَ حَتَّى يَسْأَلَ فَطَلَبْنَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ نَجْعَلَ لَهُ مَجْلِسًا يَعْرِفُهُ الْغَرِيبُ إِذَا آتَاهُ فَبَيَّنَّا لَهُ دُكَّانًا مِنْ طِينٍ كَانَ يَجْلِسُ عَلَيْهِ وَإِنَّا نَحْلُوسُ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَجْلِسِهِ إِذْ أَقْبَلَ رَجُلٌ أَحْسَنَ النَّاسِ وَجْهًا وَأَطْيَبَ النَّاسِ رِيحًا كَانَ يُبَاهِيهِ لَمْ يَمْسَسْهَا دَنْسٌ حَتَّى سَلَّمَ فِي طَرْفِ الْبَسَاطِ فَقَالَ السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا مُحَمَّدُ فَرَدَّ عَلَيْهِ السَّلَامُ قَالَ أَذْنُو يَا مُحَمَّدُ قَالَ أَذْنُهُ فَمَا زَالَ يَقُولُ أَذْنُو مِرَارًا وَيَقُولُ لَهُ أَذْنٌ حَتَّى وَضَعَ يَدَهُ عَلَى رُكْبَتِي رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يَا مُحَمَّدُ أَخْبِرْنِي مَا الْإِسْلَامُ.....

Kerana setiap yang bertiup itu akan berhenti,
Jangan lupa berbuat baik pada angin yang bertiup itu,
Kerana engkau tahu bila masa ia berhenti,
Panjangkan tangan kamu, jangan jauhkan ia,
Kerana sesungguhnya dunia yang zahir itu adalah penipu. 1

Saidina Ali *karramallahu wajhah* atau nama sebenar beliau adalah 'Ali bin Abi Talib bin Manaf bin 'Abd al-Muttalib bin Hashim bin 'Abd Manaf, seorang Amir al-Mukminin, seorang sahabat dan merupakan salah seorang dari *al-sabiqun al-awwalun* serta pernah berperang di medan Badar.²

4) Pendekatan tasawwuf

Selain daripada tiga metode utama di atas, ini merupakan pendekatan al-Taftazani yang paling kuat dan menyerlah. Pendekatan ini juga boleh dianggap sebagai tunjang utama karya beliau, malahan menjadi kesimpulan kepada hampir kesemua hadis yang terlibat.

Contoh: Hadis 38

Sewaktu ingin menjelaskan tentang makna "wali", al-Taftazani memetik pendapat al-Ghazali yang menyebut bahawa wali adalah seorang manusia yang dibukakan (dikasyafkan) kepadanya sebahagian daripada perkara-perkara ghaib dan perkara yang dilihatnya itu tidak diperintahkan untuk memperbaiki manusia tetapi hanya untuk dirinya sahaja.³

5) Huraian dengan kaedah bahasa Arab

Al-Taftazani juga dikenali sebagai tokoh yang mahir bahasa Arab dan karya ini adalah bukti penggunaan yang kerap terhadap pendekatan ini. Huraian melalui kaedah ini dapat dilihat dalam dua keadaan. Pendekatan pertama adalah menghuraikan kalimah yang terbabit secara literal. Ini adalah kaedah yang paling kerap dilakukannya. Pendekatan kedua adalah menganalisa kalimah tertentu. Penulis hanya menemui pendekatan ini pada satu tempat sahaja iaitu pada hadis 23, apabila al-Taftazani menghuraikan makna perkataan الطهور dengan memetik pendapat Sibawaih:

1 *Ibid.*, h.229.

2 Al-Dhahabi (t.t), *Siyar I'lam al-Nubala'*, j. 28, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, h.223-226.

3 *Ibid.*, h.216.

Perkataan *al-tahur* dibaca dengan baris atas membawa maksud “air” dan juga *masdar* kalimah ini. Qadi berkata: kadangkala ia dibawa dengan *wazan* فُعُولٌ dengan makna *masdar* seperti فُؤُولٌ, tetapi penggunaan dengan *wazan* ini adalah sedikit. Juga dengan *wazan* فَاعِلٌ seperti صَبَّوْرٌ dan juga مَفْعُولٌ seperti حَلُوبٌ serta sesuatu yang kita lakukan padanya (ما يفعل به) seperti سَحُورٌ juga seperti satu nama seperti دُؤُوبٌ. Namun, makna di sini adalah dengan makna *masdar* iaitu: suci dari hadas besar dan kecil di badan, pakaian dan tempat solat. 1

6) Mensyarahkan hadis dengan syair

Al-Taftazani juga kerap memasukkan syair-syair Arab di dalam syarahnya demi untuk menjelaskan lagi maknanya. Ini dapat dilihat pada huraian semua 42 hadis yang terlibat.

Contoh: Hadis 12

Al-Taftazani menjelaskan bahawa adalah lebih baik mendiamkan diri daripada bercakap sesuatu yang tidak mendatangkan faedah ataupun melakukan ibadat dengan membawa puisi berikut:

Apabila kamu bercita-cita untuk melakukan sesuatu yang batil,

Maka gantilah ia dengan tasbih,

Dapatkanlah kekayaan dari dua rakaat pada malam hari,

Setelah selesai, rehatkanlah badanmu.²

7) Mensyarahkan hadis dengan memetik pendapat ulama yang sezaman dengannya atau sebelumnya.

Selain daripada karya al-Nawawi dan karya-karya yang lain, al-Taftazani banyak mengemukakan pendapat-pendapat dari ulama muktabar dalam syarahnya. Ulama-ulama terdahulu yang sering menjadi rujukan beliau adalah seperti al-Qushairi, Imam al-Ghazali, al-Sahrawardi, al-Zamakshari dan Imam al-Baidawi. Manakala yang hidup sezaman dan sering menjadi rujukannya adalah seperti al-Tayyibi, al-Shafi'i dan al-Qurtubi.

Contoh: Hadis 1

1 *Ibid.*, h.144.

2 *Ibid.*,h.113.

Al-Taftazani menggunakan pendapat Imam al-Shafi'i untuk menjelaskan tentang hadis 1. Beliau berkata:

“Imam al-Shafi'i berkata: Sesungguhnya hadis ini adalah 1/3 daripada Islam; kerana sesuatu amalan itu sama ada dengan hati, lidah atau perkataan. Yang pertama, iaitu hati adalah lebih mulia dan tinggi martabatnya kerana ia menjadi pusat yang melambangkan kebenaran dan kecintaan terhadap Allah.”¹ Imam al-Shafi'i adalah pengasas kepada mazhab al-Shafi'i yang telah mengarang lebih dari 100 buah buku dan yang paling terkenal adalah al-Risalah dan al-Umm. Nama penuh beliau adalah Abu 'Abd Allah Muhammad bin Idris al-Shafi'i wafat 204H dan keturunannya dinasabkan kepada Nabi Muhammad ﷺ.²

8) Menyebut sebagai " قال المصنف " (berkata penulis) sekiranya merujuk kepada *Sharh al-Arba'in* oleh al-Nawawi:

Al-Taftazani telah memetik pendapat al-Nawawi dari karya syarahnya sebanyak 5 kali dan beliau telah menggunakan perkataan “berkata penulis” sebagai contohnya:

Contoh: Hadis 6

Hadis ini membicarakan tentang hukum perkara-perkara syubhat.

Berkata penulis: Bagi ulama' ini terdapat tiga pendapat: hukum dengan halal, haram dan ditanggguh hukumannya. Begitu jugalah yang dipersetujui oleh kebanyakan pengulas yang lain.³

9) Memulakan bahagian dengan perkataan " وفيه بحث " (padanya ada perbincangan) sekiranya sesuatu isu itu memerlukan kepada perbincangan dan kajian:

Contoh: Hadis 1

Perbincangan utama hadis ini adalah perkaitan amalan dengan niat seseorang. Terdapat juga perbincangan yang menyebut bahawa sesuatu amalan itu tidak akan dikira sekiranya dilakukan tanpa niat. Niat itu pula tidak akan diterima sekiranya tidak ikhlas dan mempunyai unsur-unsur riyak. Al-Taftazani menyambung perbincangan tentang kemunasabahan digunakan kalimah *jama'* untuk *al-a'mal* dan *al-niyyat*. Katanya:

1 *Ibid.*, h.59.

2 Al-Dhahabi (t.t), *op.cit.*, j.10, h.5.

3 Al-Taftazani (2004), *op.cit.*, h.91.

Padanya ada perbincangan: Pertama: Digunakan kalimah *al-jam'* dengan *al-jam'* [iaitu kalimah *al-a'mal* iaitu amalan-amalan dan *al-niyat* iaitu niat-niat] untuk menunjukkan pembahagian iaitu pembahagian satu perbuatan dengan satu niat. Maknanya adalah: setiap perbuatan diambil kira niat untuk perbuatan itu sahaja [untuk perbuatan yang lain, perlu niat untuk lain pula. Satu perbuatan, satu niat untuknya]. 1

10) Menyatakan "التلخيص" (ringkasnya), sekiranya hendak meringkaskan perbincangan sesuatu isu:

Contoh: Hadis 30:

Hadis ini membincangkan mengenai perkara-perkara fardu dan perkara-perkara haram yang perlu dijauhi dengan hudud-hudud Allah yang tidak boleh dilangkai. Sebagai kesimpulan terhadap perbincangan itu, al-Taftazani menyentuh tentang makna hudud Allah. Beliau memulakannya dengan berkata:

Ringkasnya: Sesungguhnya hudud Allah itu adalah sesuatu yang tidak boleh dilangkai setelah ditentukan dengan had-had serta ketentuan-ketentuannya seperti ketentuan tentang bilangan rakaat dan waktu solat, apa yang diwajibkan padanya zakat, tuntutan haji dan hukuman-hukuman yang ditentukan kepada pesalah-pesalah laku. 2

11) Memulakan perbincangan dengan "والتحقيق" (pandangan yang lebih tepat) sekiranya ingin menegaskan tentang sesuatu isu:3

Contoh: Hadis 18

Hadis 18 ini membincangkan tentang galakan supaya manusia itu sentiasa bertakwa kepada Allah, sentiasa menutupi perkara buruk yang dilakukan dengan perkara-perkara kebaikan dan sentiasa bermuamalah dengan manusia secara baik. Jelas di sini, al-Taftazani menekankan bahawa manusia mempunyai kemampuan, dengan kekuatan yang mereka miliki untuk berbuat kebaikan dan sentiasa mempunyai pilihan untuk tidak melakukan kejahatan.

Katanya:

1 *Ibid.*,h.57.

2 *Ibid.*, h.191.

3 Kadangkala beliau menggunakan juga kalimah "وفيه إشارة". Metode ini digunakan terutama melibatkan kesimpulan dan huraian berkaitan tasawwuf.

Pandangan yang lebih tepat: Bahawa telah nyata bagi golongan yang mempunyai makrifat (golongan bijak pandai tasawwuf) dengan sesuatu yang ternyata daripada lintasan hati dengan sesuatu yang zahir daripada wahyu. Ia adalah kenyataan bahawa manusia, pada hakikatnya adalah satu jisim tetapi lembut dan mempunyai nur. Manusia menjadi perbandingan dengan perkara-perkara *samawi* yang tinggi kedudukannya. Sesungguhnya manusia itu mempunyai dua kekuatan, dia adalah bertuah sekiranya sempurna dua kekuatan itu dan celaka sekiranya cacat kedua-dua kekuatan itu:

Pertama: kekuatan akal.

Kedua: kekuatan fizikal. 1

12) Menyatakan "فائدة" (faedah) sekiranya mempunyai isu lain yang berkaitan dengan isu utama yang dibincangkan:

Contoh: Hadis 6

Cebisan المضة itu dinamakan sebagai hati. Ia adalah potongan kecil dari daging kerana jika dinisbahkan ia dengan bahagian badan yang lain, ia adalah kecil. Baik atau tidaknya hati itu dapat dilihat dengan perbuatan oleh tubuh badan, sama ada yang baik atau tidak. Menjadi keutamaan juga untuk menjaga hati dengan baik kerana sekiranya keluar dari hati itu perbuatan yang baik, maka baiklah hasilnya, dan begitulah sebaliknya. Hati umpama raja dan badan itu seperti rakyatnya.

Faedah:

Sesungguhnya Nabi Muhammad ﷺ telah dibelah dadanya buat pertama kalinya semasa usianya 3 atau 4 tahun, kemudian dibelah sekali lagi semasa usianya 10 tahun. Hati baginda kemudiannya dibelah sekali lagi pada malam al-Mi'raj antara bahagian atas dada ke bahagian ari-ari. 2

13) Menyatakan *Tarikh Tasyri'*:

Ini merupakan antara metode yang jarang dilakukan oleh al-Taftazani. Hanya satu tempat sahaja yang disinggung oleh beliau, iaitu dalam hadis ke 8 sewaktu membicarakan tentang sejarah kefarduan enam rukun iman:

1 Al-Taftazani (2004), *op.cit.*, h.126-127.

2 *Ibid.*, h.94.

Kemudian difardukan solat di Mekah, kemudian puasa setelah tahun kedua hijrah. Manakala haji pula pada tahun keenam dan kelima. Zakat pula, ada yang mengatakan selepas puasa dan ada yang mengatakan selepasnya. Jihad pula, tidak diizinkan semasa di Mekah dan hanya diizinkan semasa di Madinah sekiranya untuk mempertahankan diri. Jihad juga tidak diizinkan pada bulan-bulan haram, namun kemudiannya ia dinasakhkan dan diizinkan untuk berperang sama ada di Tanah Haram atau di bulan haram. 1

14) Huraian tentang sejarah Islam

Pendekatan ini hanya dilakukan sekali sahaja oleh al-Taftazani, iaitu pada hadis ke 28 apabila beliau menyentuh tentang sejarah *khulafa' al-rasyidin*. Huraian yang dilakukan adalah meliputi keempat-empat khalifah iaitu Abu Bakr al-Siddiq r.a, Umar al-Khattab r.a, 'Ali r.a dan 'Uthman bin 'Affan r.a. Tiada keterangan tentang nama sebenar atau keturunan tetapi beliau terus fokus pada karakter, kelebihan, jasa yang mereka lakukan dan tempoh khidmat mereka.²

15) Pendekatan soal-jawab:

Al-Taftazani kadangkala mengubah gaya huraianya dengan mengemukakan persoalan dan jawapan. Ini berkemungkinan kerana sebab-sebab berikut:

- i. Untuk menarik perhatian pembaca.
- ii. Untuk memudahkan pemahaman pembaca.
- iii. Meringkas penerangan dalam bentuk yang padat.
- iv. Kemungkinan merupakan persoalan yang dirasakan bermain di fikiran pembaca.

Contoh: Hadis 2

Al-Taftazani cuba menarik perhatian pembaca tentang persoalan kelayakan malaikat sebagai pembawa wahyu daripada Allah ﷻ kepada Nabi Muhammad ﷺ. Kata beliau:

Sekiranya kamu bertanya: Apakah yang perlu dikatakan untuk menerapkan konsep iman pada Malaikat dengan keimanan yang sebenarnya? Serta apakah tujuan sebenar mengenali dunia dan Akhirat?

Maka jawabnya: Sesungguhnya manusia itu terbahagi kepada: Golongan yang sangat cerdas. Mereka melihat sesuatu yang dia

1 *Ibid.*, h.99.

2 *Ibid.*, h.176.

fikirkan sama seperti sesuatu yang dia lihat dan memahami perkara ghaib sepertimana dia melihatnya. Ini adalah golongan para anbiya' ﷺ. Golongan kedua adalah orang kebanyakan yang mengikut perasaan dan waham sahaja. Golongan inilah yang paling ramai dan amat memerlukan guru yang boleh membimbing ke jalan kebenaran serta menjauhkan mereka dari simpang-siur keburukan dan mengungkap tabir perkara-perkara ghaib dan menyelamatkan akal mereka dari syubhah. Guru yang dimaksudkan adalah Nabi Muhammad ﷺ yang sememangnya diutuskan untuk memikul tugas ini. Sesungguhnya baginda, walaupun akal penuh dengan kecerdikan, baginda masih memerlukan bantuan berbentuk “nur” dari Ilahi. “Nur” atau cahaya yang dimaksudkan adalah wahyu dan Kitab dari Allah Taala. Oleh kerana itulah al-Quran ini disebut sebagai “nur” dan ia memerlukan perantara yang akan membawanya kepada baginda iaitu malaikat. Pentingnya tugas malaikat ini adalah kerana manusia tidak akan beriman kecuali melalui pengajaran baginda dengan panduan kitab al-Quran. Maka perantaranya adalah para malaikat.¹

16) Pernyataan tentang asal-usul hadis/takhrij al-hadith/'azw al-hadith:

Ini adalah metode yang amat jarang digunakan oleh al-Taftazani dan ada ketikanya beliau tidak menyatakan dengan jelas sumber asal matan yang dirujuknya. Beliau juga tidak menyatakan sama ada ia adalah hadis atau *al-athar* atau sekadar kata-kata hukama'.

Contoh: Hadis 4

Al-Taftazani menjelaskan bahawa “*mi'raj*” bagi orang yang bersolat ada dua perkara; jasmani dengan perbuatan dan rohani dengan zikir. Ia sebagaimana yang dinyatakan: “Solat itu *mi'raj* orang mukmin”.²

Pernyataan di atas bukanlah sebuah hadis kerana tidak dapat ditemui sumber asalnya.

17) Menjelaskan Hukum Hadis

Al-Taftazani lebih suka menyentuh secara ringkas tentang hukum hadis yang diriwayatkannya. Ini juga salah satu metod yang jarang digunakan oleh beliau.

Contoh: Hadis 10

¹ *Ibid.*, h.70.

² *Ibid.*, h.79.

Al-Taftazani mengulas tentang darjat hadis yang disebut oleh al-Tirmidhi sebagai “*hadith hasan sahih*”. Beliau memetik pendapat Ibn Solah yang berkata: “Yang dimaksudkan bahawa hadis itu diriwayatkan dengan dua *sanad*. *Sanad* pertama membawa maksud *sahih* dan *sanad* kedua membawa maksud *hasan*.”¹

18) Menyentuh tentang *Ikhtilaf al-Hadith*

Al-Taftazani juga menyentuh aspek *mukhtalaf al-hadith* walaupun dalam bilangan yang sangat terhad.

Contoh: Hadis 4

Berlaku pertembungan di antara hadis ini dengan sebuah hadis riwayat Muslim berkaitan dengan tempoh penciptaan janin. Hadis tersebut menjelaskan bahawa pembentukan rupa dan anggota badan janin adalah selepas 40 hari pertama setelah berlalunya tempoh air mani. Ia bercanggah dengan hadis 4 dalam senarai *al-Arba'in* yang menyatakan bahawa pembentukan janin berlaku hanya selepas 120 hari setelah tempoh air mani, pembentukan tulang dan pembentukan daging. Ia bermaksud 40 hari bagi setiap tiga peringkat.

Al-Taftazani menjelaskan pertembungan ini dengan berkata:

Maka jawapannya: Urusan penciptaan ini ada beberapa peringkat:

Pertamanya, sewaktu dalam bentuk air mani, kemudian ia berubah menjadi tulang. Ini adalah maklumat pertama bahawa ia akan terbentuk menjadi janin. Ini berlaku lepas sedikit daripada 40 hari kedua. Kemudian, 40 hari ketiga, ia dibentuk dan dijadikan anggota badannya. Setelah itu, ditiupkan roh. Maka maksud pembentukan rupa dan anggota badan oleh hadis Muslim tersebut bermakna “dituliskan suratan rupa dan anggota badannya pada waktu itu (40 hari pertama) tetapi perlaksanaannya adalah di waktu lain (selepas 40 hari ketiga)”².

19) Menyatakan *al-jarh wa al-ta'dil*

Terdapat satu tempat di mana al-Taftazani ada menyebut tentang *al-jarh wa al-ta'dil* iaitu pada hadis yang ke 32 apabila beliau mengulas tentang *perawi* di dalam *sanadnya* iaitu:

في الموطاء عن عمرو بن يحيى عن أبيه عن النبي صلى الله عليه وسلم مرسلًا

“Beliau adalah adil dan bukan seorang sahabat.”³

1 *Ibid.*, h.111.

2 *Ibid.*, h.83.

3 *Ibid.*,h.197.

20) Terjemahan *Perawi*

Al-Taftazani menyebut biodata perawi, nama sebenar, sifat-sifat peribadi, tarikh kelahiran dan kematian, bilangan hadis yang diriwayatkan, peristiwa-peristiwa penting bersama Rasulullah ﷺ serta kisah-kisah lain.

Contoh: Hadis 2

Beliau memperkenalkan secara ringkas nama al-Bukhari dan Muslim pada pengakhiran syarah hadis ini. Pengenalan yang dilakukan oleh beliau tidak panjang lebar, tetapi tetap mengambil berat tentang beberapa aspek seperti penyebutan nama keturunan al-Bukhari “Bardizbah”. Beliau kemudiannya menyatakan tarikh lahir, tarikh wafat, watak dan keperibadian, bilangan hadis yang diriwayatkan serta memetik kata-kata mereka yang terkenal. Kata beliau sewaktu mengulas tentang nenek moyang al-Bukhari:

“Huruf *ba*’ dibariskan atas, huruf *ra*’ dimatikan, huruf *dal* dibariskan bawah, huruf *zay* dimatikan, huruf *ba*’ dibariskan atas dan *ha*’ dimatikan. Maknanya dalam bahasa orang Bukhara adalah “petani”. Beliau adalah seorang majusi dan meninggal dunia dalam keadaan begitu.”¹

21) Metode al-Taftazani Dalam *Fiqh al-Hadith*

Metodologi al-Taftazani ini dapat dilihat dalam pelbagai disiplin ilmu. Setelah membuat penelitian, terdapat tiga ruang lingkup utama yang menjadi tumpuannya:

a. Akidah

al-Taftazani banyak sekali menghuraikan hadis-hadis ini dalam ruang lingkup akidah terutama hadis 2 yang berkaitan dengan rukun Iman.

Contoh: Hadis 2

Beliau memetik pendapat al-Shafi’i yang *menaqalkannya* dari Saidina ‘Ali *karramallahu wajhah* berkaitan iman kepada Rasulullah ﷺ, iaitu: mengetahui dengan hati, ikrar dengan lisan dan amal dengan perbuatan.²

¹ *Ibid.*, h.61.

² *Ibid.*, h.67.

b. *Fiqh al-Ahkam*

Sekiranya hadis-hadis tersebut berkaitan dengan hukum, maka al-Taftazani akan menjelaskannya dengan lebih lanjut.

Contoh: Hadis 1

Al-Taftazani menjelaskan tentang bentuk amalan yang diterima iaitu ketika menghuraikan hadis:

"إنما لكل امرئ ما نوى" dan "إنما الأعمال بالنيات"

“Dapat difahami pada yang pertama bahawa setiap amalan itu tidak akan dikira sebagai satu pelaksanaan kecuali dengan niat. Manakala yang kedua pula bahawa amalan itu hanya diterima dengan niat yang ikhlas dan jauh dari riya’.”¹

c. Akhlak dan Tasawwuf

Al-Taftazani merupakan seorang tokoh yang mahir dan menguasai ilmu tasawwuf bidang yang jelas terlihat dalam karyanya ini.

Contoh: Hadis 1

Dalam membahaskan makna niat, beliau membahagikan makna niat itu kepada enam bahagian: 2

“Niat bagi orang awam iaitu ingin mencapai segala yang dimaksudkan dan lupa akan kelebihannya. Niat bagi orang jahil adalah memelihara dirinya dari ketentuan yang tidak baik serta jauh dari bala. Niat bagi orang munafik adalah memperelokkan dirinya di sisi Allah dan manusia. Niat bagi ulama’ adalah melakukan ketaatan kerana memuliakan ketaatan itu dan bukannya kerana kemuliaan melakukannya. Niat bagi ahli tasawwuf adalah tidak bergantung dengan apa yang zahir pada ketaatan itu dan niat bagi ahli hakikat adalah *rububiyyah* yang akan menambahkan ‘*ubudiyyah*.”

22) Metode al-Taftazani Dalam Menyatakan Sumber Rujukan

Al-Taftazani mempunyai gaya dan cara yang tersendiri apabila menyatakan sumber rujukan yang digunakan dalam karyanya. Antaranya:

1 *Ibid.*, h.56.

2 *Ibid.*, h.60.

- a. **Beliau sekadar menyebut nama karya secara ringkas sahaja:**
Contoh: Hadis 2: Hadis telah berkata di dalam *al-‘Awarif*.¹
- b. **Beliau menyebut nama pengarangnya secara ringkas:**
Contoh: Hadis 2: Berkata Ibn Solah.²
- c. **Beliau menyebut nama pengarangnya secara penuh:**
Contoh: Hadis 2: Sebagaimana yang ditunjukkan oleh al-Sheikh al-Kabir Abu ‘Abd Allah bin Hanif.³
- d. **Beliau menyebut nama pengarang secara penuh dengan nama karyanya sekali:**
Contoh: Hadis 3: Sebagaimana yang disebut oleh al-Sheikh al-Kabir Abu ‘Abd Allah di dalam karya *Mu‘taqadnya*.⁴
- e. **Beliau sekadar menyebut pangkat pengarang itu:**
Contoh: Hadis 2: Ini membenarkan pernyataan oleh al-Qadi.⁵
Selain daripada nama-nama di atas, terdapat beberapa orang ulama’ yang dijadikan rujukan oleh al-Taftazani sepanjang penulisannya:

Kesimpulan

Setelah melihat kepada pendekatan dan huraian yang dilakukan oleh al-Taftazani terdapat beberapa keistimewaan yang boleh dilihat pada karya beliau:

- a. Ia merupakan salah satu daripada karya *sharh* bagi *al-Arba‘in al-Nawawiyyah* yang banyak memberi tumpuan kepada nilai tasawwufnya. Ia memberikan dimensi yang berbeza berbanding karya-karya *sharh* yang lain.

1 *Ibid.*, h.65. Nama penuh bagi karya ini adalah *al-‘Awarif al-Ma‘arif*. Ia adalah sebuah karya tasawuf yang dihasilkan oleh al-Sahruwardi. Sila lihat Haji Khalifa (t.t), *op.cit.*, j.2, h.1177.

2 *Ibid.*, h.68. Biodata tokoh ini telah dinyatakan sebelum ini.

3 Al-Taftazani (2004), *op.cit.*, h.69. Dinyatakan oleh al-Taftazani bahawa beliau adalah pengarang karya *al-Mu‘taqad* tetapi penulis belum menemui biodata bagi tokoh ini.

4 *Ibid.*, h.75. Beliau adalah al-Sheikh al-Kabir Abu ‘Abd Allah bin Hanif sebagaimana sebelum ini.

5 *Ibid.*, h.72. Beliau adalah al-Imam al-‘Allamah Nasir al-Din Abi Sa‘id ‘Abd Allah bin Umar al-Baidawi al-Shafi‘i (m.695H/1295M). Beliau adalah pengarang *Tafsir al-Baydawi*, sebuah karya yang terkenal dan mendapat perhatian ramai penulis. Karya ini juga banyak sekali dirujuk oleh al-Taftazani. Sila lihat Haji Khalifa (t.t), *op.cit.*, j.1, h.186-193.

- b. Kebanyakan tokoh yang dijadikan rujukan merupakan tokoh-tokoh yang berkaliber dalam bidang tasawwuf.
- c. Pengarangnya banyak menukilkan pendapat-pendapat dari tokoh-tokoh bahasa serta ulasan-ulasannya juga banyak menjurus ke arah itu.
- d. Pengarang juga banyak menyentuh tentang isu-isu akidah yang dirasakan amat penting untuk difahami.
- e. Metod *sharh* juga menarik kerana pengarang bijak menggunakan gaya dan stail yang menarik minat pembaca seperti memberi kesimpulan terhadap perbincangan yang panjang, memberikan pengajaran terhadap perbincangan yang mendalam, membuat penjelasan tambahan kepada isu lain yang berkait dengan isu utama serta memberi penekanan terhadap isu-isu penting yang perlu difahami oleh pembaca.
- f. Berdasarkan kepada huraian pengarang, karya ini dapat digolongkan dalam karya *sharh al-Arba'in al-Nawawiyah* yang agak besar saiznya.

Karya ini juga mempunyai kelemahan yang tidak begitu serius seperti:

- a. Tidak banyak memberi ulasan terhadap hukum hadis. Hal ini berkemungkinan kerana ia bukanlah tujuan utama pengarang dan sebahagian besar hadis-hadis pula adalah daripada riwayat al-Bukhari dan Muslim dan tidak banyak perdebatan yang timbul tentangnya.
- b. Pengenalan terhadap perawi-perawi juga tidak banyak ditekankan.
- c. Terdapat beberapa *al-athar* yang dinukilkan oleh penulis tidak dapat ditentukan sumbernya

Rujukan

- 1) al-Shaukani (2006), *al-Badr al-Tali' bi Mahasin man Ba'd al-Qarn al-Sabi'*, Beirut: Dar Ibn Kathir, cet. 1.
- 2) al-Atabaki, Yusuf bin Taghr Barda (1988), *al-Manhal al-Safi wa al-Mustawfa Ba'd al-Wafa*, Dr. Nabil Muhammad 'Abd al-'Aziz (*tahqiq*);: Markaz Tahqiq al-Turath, j.5.
- 3) Muhammad Farid Wajdi (t.t), *Da'irah al-Ma'arif al-Qarn al-'Isyrun al-Rabi' 'Ashar – al-'Ishrin*, Beirut: Dar Dar al-Fikr, j.2.
- 4) al-Taftazani, Sa'd al-Din (2004), *Sharh al-Taftazani 'ala al-Ahadith al-Arba'in al-Nawawiyah*, Muhammad Hasan Muhammad Hasan Ismail (*tahqiq*), Beyrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, cet.1.

- 5) al-Nasa'i, Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Shu'aib bin 'Ali bin Bahr (1988), *Sunan al-Nasa'i*, Riyad: Maktabah al-Ma'arif wa al-Tawzi'.
- 6) Nasir al-Din al-Albani (*Taghliq al-Ta'liq*), Riyad: Maktabah al-Ma'arif wa al-Tawzi'.
- 7) Al-Dhahabi (t.t), *Siyar I'lam al-Nubala'*, j. 28, Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- 8) Haji Khalifa (t.t), *Kashf al-Zunun 'an Asami al-Kutub wa al-Funun*, Beyrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiy, j.2.



Al-Tarmasiy Tokoh Prolifik Dalam Bidang Hadith

Hayati binti Hussin(FPI UKM)
Dr. Sabri bin Mohamad (FPI UKM)
Dr.Wan Nasyrudin Wan Abdullah(FPI UKM)
Dr.Abdul Rahim bin Ahmad(IKMAS UKM)
Mohd Norzi Nasir(INHAD KUIS)

ABSTRAK

Kertas kerja ini merupakan suatu kajian terhadap Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy, seorang tokoh Nusantara yang pernah menjadi tumpuan para pencinta ilmu di dunia Arab. Selain mendapat tiang dalam Masjidil Haram di Mekah sebagai tanda pengiktirafan keilmuan, Al-Tarmasiy turut mewariskan ensiklopedia ilmu-ilmu Islam yang pelbagai. Kajian ini hanya memfokuskan pada sumbangan beliau dalam bidang hadis yang merupakan sumber kedua di dalam perundangan Islam. Metodologi kajian yang digunakan menjurus ke arah kajian kualitatif dengan bersumberkan maklumat dan data daripada manuskrip-manuskrip asal beliau yang telah dan belum ditahkik. Di samping itu, temubual dengan cucu dan cicit beliau turut dijalankan. Laman sesawang rasmi institusi yang ditubuhkan oleh para pewaris beliau juga dilayari. Asas metodologi al-Tarmasiy dalam bidang hadis turut dinyatakan di dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati al-Tarmasiy merupakan seorang tokoh yang prolifik dalam bidang pengajian Islam juga unggul dalam bidang hadis dan sanad. Ini berdasarkan kepada tiga faktor: Pertama: Hasil penulisan beliau menunjukkan bidang hadis secara peratusan dan bilangan manuskrip menempati tangga ketiga terbanyak selepas Fiqh dan Usul Fiqh. Kedua: Majoriti hadis yang dibawa di dalam manuskrip ini merupakan hadis sahih. Ketiga: Impak karya beliau dapat dilihat dan dijadikan sebagai bahan rujukan dalam bidang pengajian hadis sehingga sekarang.

PENDAHULUAN

Biodata Mahfuz al-Tarmasiy

Nama beliau ialah Muhammad Mahfuz bin [°]Abdillah bin [°]Abd al-Mannan al-Tarmasiy. lahir di Tremas, Pacitan, Jawa Tengah, pada 12 Jamadilawal 1285H (31 Ogos 1868M). Namun terdapat sedikit percanggahan mengenai tarikh lahir beliau. Cucu beliau, Kiyai Harir¹

¹ Pengkaji berkesempatan bertemu dengan Kiyai Harir pada 2010 di pondok pesantren beliau di Demak. Banyak juga maklumat biografi dokumentasi dan lisan yang berjaya diperolehi berkenaan datuknya. Kiyai Harir menghembuskan nafasnya yang terakhir pada awal 2014. Semoga beliau ditempatkan bersama para salihin di syurga.

ketika memperkenalkan biodata datuknya pada permulaan kitab *al-Khal'ah al-Fikriyyah fi Syarh al-Minhah al-Khayriyyah* menyebut: "Tahun kelahiran beliau diperselisihkan orang. Ada yang mengatakan bahawa tahunnya ialah 1285H. Ia merupakan pendapat Syeikh Yasin Padang¹ di penutup Kitab *Kifayat al-Mustafid*, halaman 44. Ada juga yang mengatakan bahawa tarikh lahir beliau adalah pada hari Isnin, 6 Safar tahun 1280H. Ia merupakan pandangan adik kandung beliau, Syeikh Dahlan bin 'Abdullah al-Tarmasiy"(al-Tarmasiy. 2007).

Sebagai bukti kemantapan ilmu serta kemasyhuran beliau, al-Zirikliy² menyebut al-Tarmasiy dengan katanya: "Muhammad Mahfuz bin 'Abdillah bin 'Abd al-Mannan al-Tarmasiy (wafat selepas 1329H bersamaan 1911M), seorang ulama fiqh mazhab Shafi'iy dan salah seorang ahli al-Qiraat. Beliau juga berkecimpung dalam bidang hadis".(Al-Zirikliy.1984).

Dalam fiqh, Mahfuz al-Tarmasiy berpegang dengan mazhab Shafi'iy. Sementara itu mazhab akidahnya adalah mengikut pandangan Abu Hasan al-Ash'ari. Perkara ini jelas terlihat apabila beliau belajar dengan para guru yang kebanyakannya bermazhab Shafi'iy dan beraliran Ash'ari. Selain daripada pernyataan al-Zirikliy di dalam al-'Alam (al-Zirikliy.1984), manuskrip-manuskrip karangan beliau di dalam bidang fiqh dan tasauf merupakan bukti yang tidak tersangkal lagi.

1 Muhammad Yasin bin Muhammad Isa dilahirkan di Mekah pada 1335H bersamaan 1916M. Beliau membesar di sana di bawah asuhan ayahnya dan juga bapa saudaranya, Syeikh Mahmud. Keluarganya berasal dari Kota Padang, Indonesia yang berhijrah ke Mekah. Pengajian awal beliau bermula di Madrasah Saulatiyyah dan pada masa sama mengikuti halaqah-halaqah ilmu di al-Masjid al-Haram yang disampaikan oleh para ulama, termasuklah al-Tarmasiy. Beliau melanjutkan pengajian dan menamatkannya di Madrasah Dar al-Ulum al-Diniyyah, Mekah. Beliau meninggal dunia pada Zulhijjah 1410H bersamaan 1990M.

2 Khayr al-Din al-Zirikliy (1310H-1396H/ 1793M-1976M) merupakan seorang sejarawan, sasterawan, penyair, dan pengarang. Nama penuhnya ialah Khayr al-Din ibn Mahmud ibn Muhammad ibn Ali ibn Faris al-Zirikliy al-Dimashqi. Dia lahir di Beirut. Ibu bapanya berasal dari Damsyik. Dia dibesarkan dan mendapat pendidikan di Damsyik serta berguru dengan para ulama di sana. Kemudian, dia menumpukan perhatian dalam bidang sastera dan berjaya menerbitkan majalah mingguan yang bertajuk al-Asmai.

Al-Tarmasiy di Nusantara

Kehidupan al-Tarmasiy di Nusantara bermula dari kelahirannya. Namun ketika berusia enam tahun ayahnya membawanya ke Mekah. Di situ dia berpeluang memulakan pendidikan awal dengan mempelajari beberapa buah kitab. Kemudian beliau dibawa pulang ke Tanah Jawa (Al-Tarmasiy. 2011). Kehidupan al-Tarmasiy terus berlangsung di Nusantara sehingga berusia 23 tahun apabila beliau merantau semula ke Mekah untuk menuntut ilmu. Tiada maklumat yang diperolehi menyatakan beliau ada pulang ke Nusantara untuk menziarahi kampung halaman selepas itu. Bahkan kelihatannya beliau terus bermukim di Tanah Suci sehinggalah menghembuskan nafas yang terakhir pada usia 58 tahun.

AL-TARMASIY SELEPAS BERHIJRAH KE MEKAH

Berkat doa Nabi Ibrahim a.s agar sebahagian manusia jatuh hati dengan bumi yang tandus ini¹, ramai ulama yang bertumpu di Mekah. Maka tidak hairanlah jika al-Tarmasiy bersama ayahnya telah berkelana ke Mekah sebanyak dua kali. Kali pertama pada tahun 1291H iaitu ketika beliau berusia enam tahun, manakala kali kedua pada tahun 1303H ketika beliau berusia 23 tahun (Harir. 1428H).

Mekah pada masa itu berada di bawah pemerintahan empayar Turki Uthmaniyah. Keadaan ketika itu menyaksikan pergolakan dan keadaan huru-hara yang berpunca daripada pergeseran yang terdetus di kalangan para penguasa untuk merebut tampuk pemerintahan. Di antara puak yang paling agresif berperang adalah dua kumpulan Bani Hashim iaitu Dhawi Zayd dan Dhawi ^cAwn. Sebahagian sejarawan berpendapat pergolakan yang berlaku berpunca daripada kelemahan di pusat pentadbiran Turki Uthmaniyah. Walaubagaimanapun ini tidak bermakna ia hilang kawalannya ke atas lokasi-lokasi strategik, terutamanya tanah suci umat Islam. Sebagai contoh al-Siba^ciy mengatakan bahawa cengkamannya ke atas Mekah ketika itu lebih kuat berbanding dengan masa lalu (Ahmad Al-Siba^ciy.1999).

Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung. Pergolakan yang berlaku ketika itu disaksikan oleh al-Tarmasiy dengan penuh kesedaran. Namun sebagaimana ulama dan para pelajar mereka yang berada di Mekah ketika itu, kesibukan dalam aktiviti belajar, mengajar

1 Al-Baqarah: 126.

dan berkarya menjadikan mereka tidak berminat untuk mencampurkan isu politik dan pentadbiran dengan ilmu pengetahuan.

Ketika sampai di Mekah, al-Tarmasiy mendapati sistem pembelajaran yang digunapakai pada ketika itu ialah sistem Halaqah. Sistem ini merupakan rantaian daripada cara ulama terdahulu ketika mereka mengajar di Masjidil Haram ataupun di sekolah-sekolah yang ditubuhkan oleh para dermawan bagi memastikan kebajikan dan keperluan kepada pelajar dapat disalurkan. (Ahmad Al-Siba^{ci}y.1999).

Terdapat banyak sekolah kebajikan yang didirikan pada ketika itu di antaranya ialah sekolah al-Rasyidiyyah. Sekolah ini di bina pada akhir abad ketiga hijrah. Para pelajar belajar bahasa Turki, Matematik dan Sejarah di sekolah tersebut. Selain daripada itu terdapat juga sekolah al-Saulatiyyah. Sekolah ini telah diasaskan oleh Muhammad Rahmatullah al-^cUthmaniy. Mata pelajaran yang diajar di sekolah tersebut ialah ilmu-ilmu agama, bahasa Arab dan al-Quran. Syeikh ^cAbd al-Haqq merupakan salah seorang ustaz yang aktif di al-Saulatiyyah. Akhirnya pada tahun 1296 beliau telah menubuhkan sekolah al-Fakhriyyah bersebelahan dengan pintu Nabi Ibrahim a.s (Ahmad Al-Siba^{ci}y.1999).

Mengajar Di al-Masjid al-Haram

Setelah bermukim di sana, al-Tarmasiy menuntut ilmu dengan tekun di bawah asuhan guru-gurunya sehingga beliau diiktiraf sebagai ulama besar yang mampu menempatkan dirinya sebagai salah seorang pengajar di Masjidil Haram. Pada waktu mengajar di situ, yakni berhadapan Bab al-Safa (al-Mu^callimiy. 2000), kebanyakan murid-muridnya adalah orang Jawa. Di antara mereka ialah saudara-saudaranya sendiri seperti Dimiyati, Dahlan dan Abdul Rozaq. Terdapat juga tokoh-tokoh lain yang setelah pulang ke Jawa menjadi kiai besar di tempat masing-masing, seperti K. Hasyim Asy^cari dari Tebuireng Jombang, KH. Dahlan dari Watucongol Muntilan, Raden Mas Kumambang dari Surabaya dan lain sebagainya (Al-Tarmasiy.2011).

Ada juga di kalangan murid-murid beliau yang berasal dari India dan orang tempatan. Mereka juga kemudiannya dikenali sebagai tokoh-tokoh ilmuwan ternama di tempat asal mereka. (Abdurrahman Mas'ud. 2006. Hal. 157).

PENDIDIKAN AL-TARMASIY

Pendidikan awal di Nusantara

Al-Tarmasiy ada menyebut secara terperinci berkaitan pengajian beliau di dalam kitab *Kifayat al-Mustafid li ma 'Ala min al-Asanid*¹. Sanad pengajian ilmu-ilmu pengajian Islam telah beliau rakamkan secara detil di dalamnya. Menurut beliau, pada mulanya dia mendapat pendidikan daripada ayahnya sendiri, 'Abdullah bin 'Abd al-Mannan. Antara kitab yang dipelajari daripada ayahandanya adalah *Sharh al-Ghayah li Ibnay Qasim al-Ghuzza*, *al-Minhaj al-Qawim*, *Fath al-Mu'in*, *Fath al-Wahhab*, *Syarh Syarqawiy 'ala al-Hikam* dan sebahagian *Tafsir al-Jalalain* sehingga Surah Yunus.

Seterusnya al-Tarmasiy melanjutkan pengajiannya ke Semarang dan belajar dengan Muhammad Saleh bin Umar atau lebih dikenali dengan Kiai Muhammad Saleh Darat al-Samarani, seorang ulama terkemuka di Jawa Tengah abad ke-19. Kitab-kitab yang dipelajari ialah *Syarh al-Hikam* (dua kali khatam), *Tafsir al-Jalalain* (dua kali khatam), *Syarh al-Mardiniy* dan *Wasilah al-Tullab*, mengenai ilmu falak. Setelah tamat pengajian di Semarang, dia berkelana pula ke Mekah untuk menuntut ilmu. Fenomena ini adalah merupakan tradisi penuntut ilmu agama di Nusantara iaitu menamatkan pengajian mereka di Mekah (Al-Tarmasiy.2011).

PENDIDIKAN DI MEKAH

Guru-guru al-Tarmasiy

Antara guru-guru beliau di Mekah ialah (Al-Tarmasiy. 2011. Wan Mohd Shaghir Abdullah. 2005):

- 1- Syeikh Ahmad al-Minshawi yang dikenali sebagai al-Muqri. Beliau menuntut pelbagai ilmu daripada Syeikh-syeikh yang terkemuka di Universiti al-Azhar seperti al-Bajuriy dan al-'Alamah al-Saqa. Beliau pergi ke Mekah pada tahun 1260/H. Beliau telah belajar dengan al-'Alamah 'Uthman al-Dimyatiy.

1 Penulisannya diselesaikan pada hari Selasa, 19 Safar 1320 H. Kandungannya membicarakan pelbagai sanad keilmuan Muhammad Mahfuz bin 'Abdullah at-Tarmasiy. Dicitak oleh Matba'ah al-Mashhad al-Husaini, No.18 Syari' al-Masyhad al-Husaini, Mesir (tanpa tahun). Kitab ini ditashhah dan ditahqiq oleh Syeikh Muhammad Yasin bin 'Isa al-Fadaniy al-Makkiy, al-Mudarris Dar al-'Ulumid Diniyah, Mekah.

Setelah kewafatan al-Dimyatiy beliau meneruskan pengajiannya dengan mufti Mekah al-Syeikh Ahmad al-Dimyatiy sehinggalah beliau mendapat ijazah untuk mengajar di Masjidil Haram. Beliau mengajar pelbagai ilmu di Masjidil Haram. Al-Tarmasiy belajar Qiraat [°]Ashim dan tajwid, sebahagian Syarh Ibn al-Qashih [°]ala al-Syathibiyyah (tidak sempat khatam).

- 2- Syeikh [°]Umar bin Barakat al-Syamiy al-Biqa[°]iy al-Azhariy al-Makkiy al-Syafi[°]iy. Dilahirkan al-Biqa[°]iy di kampung Ba[°]lul pada tahun 1245/H. Beliau memulakan kehidupan di kampung halamannya kemudian beliau berpindah ke Damshiq dan menuntut pelbagai ilmu di sana. Seterusnya beliau pergi ke Mesir dan belajar dengan ulama-ulama di al-Azhar, di antaranya ialah al-[°]Alamah al-Bajuriy dan al-[°]Alamah al-Saqa. Beliau tinggal di Mesir selama lima belas tahun. Beliau pergi ke Mekah pada tahun 1276/H. Beliau mula belajar pelbagai ilmu di sana dan seterusnya mengajar di sana. Beliau wafat di Mekah pada tahun 1313/H. kitab yang dipelajari oleh al-Tarmasiy ialah Syarh Syuzur al-Zahab li Ibn al-Hisyam, kitab ini disusun oleh gurunya.
- 3- Syeikh Mustafa al-[°]Afifiy, kitab yang dipelajari ialah Syarh Jam[°]il Jawami[°] li Mahalliyy dan Mughniy al-Labib al-Syafi[°]iy. Dilahirkan di negeri [°]Afif salah satu perkampungan di Mesir. Beliau seorang yang menghafal al-Quran. Beliau juga menghafal matan-matan dan membentangkannya di hadapan syeikh-syeikh al-Azhar. Beliau juga banyak belajar dengan ulama-ulama al-Azhar seperti Syeikh Mustafa al-Buqalaniy kemudian beliau pergi ke Mekah dan menetap di sana. Beliau juga belajar dengan Syeikh Jamal al-Hanafiyy. Beliau telah mendapat ijazah untuk mengajar di Masjidil Haram.
- 4- Sayyid Husin bin Sayid Muhammad al-Habsyi, kitab yang dipelajari ialah Sahih al-Bukhariy.
- 5- Syeikh Muhammad Sa[°]id Babashail al-Hadramiy al-Syafi[°]iy al-Makkiy. Beliau merupakan seorang mufti al-Syafi[°]iy dan ulama di Mekah. Beliau Dilahirkan pada tahun 1245/H. Beliau telah belajar dengan al-Sayyid Ahmad Dahlan. Beliau juga mengajar di Masjidil Haram. Kitab yang dipelajari oleh al-Tarmasiy darinya ialah Sunan Abu Daud. Sunan Tirmidhi dan

Sunan Nasaiy.

- 6- Sayyid Ahmad al-Zawawiy, kitab yang dipelajari ialah Syarh [°]Uqud al- Juman, karangan gurunya itu, dan sebahagian kitab *al-Syifa'* karya Qadhi al-[°]Iyadh. Syeikh Muhammad al-Syarbainiy al-Dimyathi, kitab yang dipelajari oleh al-Tarmasiy ialah *Syarh Ibniy al-Qashih*, *Syarh al-Durrah al-Mudhi[°]ah*, *Syarh Taibah al-Nasyr fi al-Qiraat al-[°]Asyar*, *al-Raudh al-Nadhir li Mutawalli*, *Syarh al-Ra[°]iyah*, *Ithaf al-Basyar fi al-Qiraat al-Arba[°]ah al-[°]Asyar*, dan Tafsir al-Baidhawiy bi Hasyiyatihi.
- 7- Sayyid Muhammad Amin bin Ahmad Ridhwan al-Madaniy, kitab yang dipelajari ialah *Dalail al-Khairat*, *al-Ahzab*, *al-Burdah*, *al-Awwaliyat al-[°]Ajluniy* dan *Muwata[°]* Imam Malik.

Setiap guru yang tersebut bersambung sumber ilmunya kepada ulama yang lebih ke atas dari aspek kronologi masa sehingga sampai kepada Nabi saw. Sistem ini dinamakan sanad atau salasilah. Al-Tarmasiy mencatatkannya dengan lengkap dalam kitab *Kifayat al-Mustafid*. Dapat disimpulkan bahawa guru utamanya dalam sanad ilmu adalah Sayyid Abu Bakr al-Shata.

Murid-murid al-Tarmasiy

Beliau memiliki banyak murid-murid yang handal dan alim, bukan saja dari golongan pelajar Nusantara, bahkan dari seluruh benua termasuklah pelajar-pelajar Arab pada masa itu, di antara murid-muridnya ialah(al-Tarmasiy.2008):

- 1 - Ali bin Mahmud bin Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari.
- 2 - Muhammad Dimyati at-Tarmasi.
- 3 -Umar bin Abi Bakr bin abdullah bin Umar bin Ali bin Muhammad al-Bajind al-Hadrami al-Makkiy.
- 4 – Muhammad Habib bin Abdullah bin Ahmad al-Shanqitiy.
- 5 - Muhammad Hasyim Asy[°]ari.
- 6 - Muhammad Baqir al-Jawiy al-Marikiy.
- 7 - Baqir bin Muhammad bin Nur bin Fadhil Ibrahim al-Jokjawiy.
- 8- Umar bin Hamdan bin Umar al-Mahrasiy al-Madaniy al-Makkiy.
- 9- Maksum bin Ahmad bin Abdul Karim al-Lasemiyy al-syafi[°]iy.
- 10- Abdul Wahab bin Hasbullah al-Jumbaniy.

Kewafatan al-Tarmasiy

Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy meninggal dunia di Mekah pada 1 Rejab 1338H/20 Mac 1920M. Tarikh ini dipersetujui oleh semua penulis biodata. Waktu pemergiannya ialah sebelum azan maghrib dikumandangkan pada petang Ahad. Jenazahnya dikebumikan di Perkuburan Bani Taslim (Al-Tarmasiy.2011).

SUMBANGAN AL-TARMASIY DALAM BIDANG HADIS DAN SANAD

Selain menguasai pemahaman kitab-kitab kuning terdahulu, al-Tarmasiy juga turut menyumbang dengan mengarang sekurang-kurangnya 20 buah kitab yang sampai sekarang ada di antaranya belum dicetak atau diterbitkan. Terdapat juga beberapa lembaran naskhah yang hilang sehingga manuskrip tersebut belum dapat dicetak dan dimanfaatkan. Selain itu, satu banjir besar telah berlaku pada tahun 1930 Masihi di Demak mengakibatkan beberapa naskhah penulisan beliau turut dihanyutkan (Temubual bersama Harir bin Muhammad bin Muhammad Mahfuz. 2010).

Sebenarnya beberapa buah kitab karangan al-Tarmasiy ada yang digunakan oleh pondok-pondok pesantren di Indonesia, bahkan menurut beberapa keterangan, kitab-kitab karangan beliau itu banyak juga yang dipakai sebagai literatur wajib di beberapa buah pusat pengajian tinggi di negara-negara Arab, misalnya di Arab Saudi dan Iraq. Bahkan sampai sekarang ada di antara kitab-kitab karangan beliau tersebut masih ada yang dipakai dalam pengajian di al-Masjidil Haram.

Senarai nama kitab-kitab karangan beliau dalam bidang Hadis, °Ulum Hadith dan Sanad adalah seperti berikut(al-Tarmasiy.2011):

Pertama: *Manhaj Dhawi al-Nazar fi Sharh Manzumat °Ilm al-Athar.*

Judul kitab ini bermaksud: 'Metodologi Pemikir dalam Menghuraikan Nazam Ilmu Hadis. Ia sebenarnya merupakan huraian terhadap Kitab *Manzumut °Ilm al Athar* yang dikarang oleh Imam al-Suyutiy dalam bentuk syair yang hampir menjangkau 1000 bait. Kitab ini merupakan salah satu karya al-Tarmasiy yang memberi impak besar serta signifikan. Ia menonjolkan nama beliau dalam bidang hadis. Kitab ini mula ditulis pada awal bulan Zulhijjah 1328H (1911M) dan

diselesaikan pada waktu asar hari Jumaat bersamaan 14 Rabiulakhir 1329 H (14 April 1911M), iaitu dalam tempoh empat bulan 14 hari (Al-Tarmasiy. 2003).

Metode penulisan al-Tarmasiy diselaraskan dengan kitab-kitab beliau yang lain. Pendekatan yang digunakan ialah menulis matan dahulu kemudian diikuti dengan huraian (sharh). Cara ini dapat memudahkan para pembaca untuk memahami isi kandungannya.

Al-Tarmasiy membahagikan perbahasannya kepada 74 topik. Bermula dengan topik *al-Sahih* dan diakhiri dengan *al-Tarikh*.

Kitab ini merupakan huraian kepada *Manzumat 'Ilm al-Athar* karangan Imam Jalaluddin as-Suyutiy yang diterimanya secara talaqqi (langsung daripada guru) serta bersanad (bersambung sumber) terus kepada Imam al-Suyutiy menerusi rangkaian para guru yang berakhir dengan guru utama al-Tarmasiy iaitu al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Shata al-Makkiy.

Kedua: *Al-Minhah al-Khairiyyah Fi 'Arba'in Hadithan Min Ahadith Khayr Al-Bariyyah*

Nama kitab ini bermaksud: 'Anugerah Kebaikan di dalam 40 Buah Hadith Sebaik-baik Makhhluk'. Al-Tarmasiy menerapkan di dalam manuskrip-manuskrip karangannya dengan pelbagai metodologi. Sebagai contoh, kitab *al-Minhah al-Khairiyyah* agak berbeza cara penulisannya dengan kitab-kitab yang lain. Beliau menulis matan hadis tanpa menghuraikan maksudnya. Penerangan kepada beberapa maklumat yang dirasakan penting untuk dihuraikan yang ada pada nota kaki disediakan oleh orang lain. Sebagai contoh (السند) diterangkan maksudnya perkataan tersebut di nota kaki. Al-Tarmasiy nampaknya sengaja membiarkan kitab ini tanpa huraian kerana beliau akan menghuraikannya secara berasingan di dalam kitab lain yang dinamakan *Al-Khi'ah al-Fikriyyah*.

Kandungan *Al-Minhah* terdiri daripada hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para Imam Hadis iaitu al-Bukhariy, Muslim, al-Tirmiziy, al-Nasaiy, Abi Daud, Ibn Majah dan Imam Malik di dalam kitab-kitab hadis mereka. Namun Sahih al-Bukhariy menjadi teras rujukannya. Ini kerana beliau mensasarkan hadis-hadis yang paling pendek rangkaian sanadnya. Semakin pendek bilangan perawi, semakin kukuhlah martabat hadis tersebut. Dalam hal ini, bilangan yang paling

singkat adalah tiga orang perawi di antara Nabi saw dan perawi terakhir yang menyusun hadis-hadis tersebut di dalam kitab-kitab mereka. Ia dinamakan *Thulathiyyat*. Di dalam Sahih al-Bukhariy, hanya terdapat 22 buah hadis yang menepati sasaran ini, maka beliau menambah 18 buah hadith lagi daripada sumber-sumber lain yang telah dinyatakan.

Bilangan 40 dipilih bukanlah kerana meniru gaya imam al-Nawawiy ataupun mana-mana ulamak lain tetapi berdasarkan kepada janji Rasulullah s.a.w. bahawa sesiapa yang menjaga 40 buah hadith dia akan dibangkitkan di akhirat bersama para ulamak, bahkan dia diseru untuk memasuki syurga daripada mana-mana pintu yang diinginkannya.

Al-Tarmasiy menyusun hadis-hadis Sahih al-Bukhariy secara sistematik selepas menampilkan hadis pertama dari setiap sumber hadis-hadis yang muktabar dengan mengikut keperluan tajuk yang ingin disampaikan. Sebagai contoh, hadis kedua berkaitan dengan niat. Hadis ini merupakan hadis pertama di dalam Sahih al-Bukhariy.

Hadis ketiga pula beliau mengambil hadis pertama dalam Sahih Muslim. Al-Tarmasiy telah memuatkan 40 buah hadis di dalam kitabnya. Hadis pertama di mulakan dengan topik *al-Rahmah* dan diakhiri dengan *Khatimah al-Sa'adah*. Al-Tarmasiy memuatkan sebanyak 40 buah hadis yang masyhur dengan pelbagai topik.

Al-Minhah telah disalin semula daripada manuskrip asli oleh Abdullah Zaini bin Azira al-Jatawiy. Kitab ini dicetak semula oleh cucu beliau iaitu Harir bin Muhammad di Bentengan, Jawa Tengah.

Ketiga: *Al-Khil'ah al-Fikriyyah fi Sharh al-Minhah al-Khayriyyah*
Namanya bermaksud: 'Hadiah Pemikiran dalam Menghuraikan Anugerah Kebaikan'. Data berkaitan masa bermula penulisan kitab ini tidak dapat ditemui. Kandungannya membicarakan tentang huraian kitab *Al-Minhah al-Khairiyyah Fi 'Arba'in Hadithan Min Ahadith Khayr Al-Bariyyah*.

Metodologi al-Tarmasiy dalam kitab ini ialah dengan mendatangkan matan hadis dalam *al-Minhah* diikuti dengan huraian. Topiknya dibahaskan dengan begitu terperinci, sehingga lafaz Bismillah yang merupakan mukaddimah di dalam kitab *al-Minhah* juga turut dihuraikan.

Ketika mengupas setiap hadis pula, al-Tarmasiy mempamerkan keunggulannya dengan menyatakan sanad yang

diperolehnya bagi setiap hadis tersebut. Beliau turut menghuraikan baris bagi setiap perawi hadis beserta biodata sebahagian mereka secara ringkas. Selanjutnya al-Tarmasiy menerangkan maksud hadis dengan begitu jelas. Semasa menjalankan huraian ini, kehebatan ilmu bahasa Arab beliau tertumpah pada disiplin Nahu dan Balaghahnya. Tidak cukup setakat itu, al-Tarmasiy juga membekalkan huraianya dengan bait-bait syair yang menyokong maksud hadis yang dihuraikan.

Kitab *al-Khil'ah al-Fikriyyah* selesai ditulis pada pagi Ahad, 16 Ramadan 1313H (1 Mac 1896M) manakala huraianya, iaitu kitab *al-Minhah al-Khayriyyah* siap pada hari Selasa, 8 Zulkaedah 1313H (22 April 1896M).

Mengulas perihal kitab ini, Wan Mohd Saghir berkata: “Berdasarkan yang disyairkan oleh Syeikh al-Qasthallaniy dalam Hadis Bukhariy yang berasal dari perkataan al-Hafizh Abi Bakr al-Burqaniy. Yang ada di tangan saya masih dalam bentuk manuskrip merupakan salinan Haji Ahmad Dahlan bin Muhammad Minhaj, tokoh ulama Selangor. Menurutny disalin dari yang pernah dicetak oleh *Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah*, Mekah, 1315H. Menurut riwayat bahawa kitab ini terdiri dari 13 bahagian” (Wan Mohd Saghir Abdullah. 2009).

Kitab ini telah dicetak semula oleh cucu beliau Harir bin Muhammad di Demak, Jawa Tengah.

Cucu beliau, Harir ada menyatakan di dalam prakata kitab *al-Khil'ah* bahawa datuknya telah mengarang sebuah lagi kitab yang dinamakan *Thulathiyyat al-Bukhariy*. Walaubagaimanapun, kitab tersebut tidak dapat ditemui. Sekalipun ada dijumpai, pengkaji berpandangan bahawa isinya mungkin tidak jauh berbeza dengan sebahagian besar kandungan kitab *al-Khil'ah* dan *al-Minhah* berikutan kedua-duanya mengandungi perbincangan terhadap hadis-hadis yang diriwayatkan oleh imam al-Bukhariy yang berstatus *Thulathiyyat*.

Bidang Sanad

Kifayat al-Mustafid li ma 'Ala min al-Asanid, diselesaikan pada hari Selasa, 19 Safar 1320H. Kandungannya membicarakan pelbagai sanad keilmuan al-Tarmasiy. Dicitak oleh *Mathba'ah al-Mashhad al-Husayni*, No.18 Shari' al-Mashhad al-Husayni, Mesir, tanpa tahun.

Kitab ini ditashhah dan ditahkik oleh Syeikh Muhammad Yasin bin °Isa al-Fadaniy al-Makkiy, Mekah. 1 kurras.

Guru-guru beliau yang disebutkan di dalam kitab ini mempunyai kaitan dan hubungan di antara satu sama lain dengan ulama-ulama yang terdahulu. Kaitan dan hubungan ini dinamakan sanad atau silsilah. Dalam hal ini al-Tarmasiy mencatatkannya dengan lengkap. Al-Tarmasiy ada menyebut bahawa ilmu terbanyak diperolehnya ialah daripada Sayid Abi Bakr Shata.

Kitab *Kifayat al-Mustafid li ma °Ala min al-Asanid* ini membicarakan berbagai-bagai sanad ilmu yang dipelajarinya. Pada halaman sepuluh hingga halaman 19 khusus membicarakan sanad-sanad ilmu hadis bermula dirinya sendiri, gurunya hingga kepada yang lebih atas. Pengajian beliau secara bertalaqqi pula amat dititik beratkan. Sebagai contoh, beliau menyebut bahawa pengajiannya berkaitan Sahih Jami° al-Bukhariy, beliau khatam sebanyak empat kali¹.

KESIMPULAN

Pengajian Islam merupakan bidang yang mempunyai ramai peneroka sepanjang zaman. Penerokaannya adalah meliputi pelbagai disiplin ilmu yang bertunjangkan al-Quran dan al-Sunnah serta disiplin-disiplin lain yang tercipta demi memahami kandungan dan kehendak kedua-dua sumber utama ini. Umumnya, ladang pengkajian ini dibanjiri oleh ulama-ulama berbangsa Arab manakala bangsa lain kelihatannya hanya duduk menumpang teduh. Namun ada juga sebilangan ulama terkemuka daripada puak Ajam yang tampil menabur jasa. Walaubagaimanapun, kelihatannya ia lebih tertumpu ke kawasan benua kecil India dan benua hitam Afrika.

Sesungguhnya al-Tarmasiy telah berusaha dengan penuh dedikasi bagi menjamin kesinambungan mata rantai (sanad) ilmu hadis yang dipelajari dengan merakamkannya di atas lembaran-lembaran kuning yang sebahagian besarnya masih kekal dengan tulisan tangan yang asal. Adalah dikhuatiri manuskrip-manuskrip lama yang tersimpan di Mekah, Madinah, Tremas dan Demak akan menjadi semakin kabur khatnya dimamah masa. Tanpa usaha ilmiah untuk mentahkik manuskrip-manuskrip beliau, kemungkinan besar

1 Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, 2005. Khazanah Fathaniyah. Perpustakaan Ukm. Kuala Lumpur. Cet 1.

jerih payah beliau akan menjadi sia-sia dan dilupakan. Justeru jika ianya berlaku, al-Tarmasiy sudahpun mendapat ganjaran pahala di atas ikhtiarnya yang telah dibuat. Kitalah yang menanggung kerugian yang sangat besar kerana mengabaikan segala jasanya di dalam bidang ini.

Al-tarmasiy telah menghasilkan empat buah karya dalam bidang hadith iaitu *Manhaj Dhawi al-Nazar fi Sharh Manzumat 'Ilm al-Athar*, *Al-Minhah al-Khairiyyah Fi 'Arba'in Hadithan Min Ahadith Khayr Al-Bariyya*, *Al-Khil'ah al-Fikriyyah fi Sharh al-Minhah al-Khayriyyah* dan *Thulathiyyat al-Bukhariy*. Dari aspek nombor, empat buah kitab hadis dan sebuah kitab dalam bidang sanad iaitu *Kifayat al-Mustafid li ma 'Ala min al-Asanid*.

Saiz karangan kitab-kitab hadis beliau adalah meliputi kadar ringkas, sederhana dan panjang. *Thulathiyyat al-Bukhariy* dan *Al-Minhah al-Khairiyyah Fi 'Arba'in Hadithan Min Ahadith Khayr Al-Bariyyah* mewakili karangan padat beliau. *Al-Khil'ah al-Fikriyyah fi Sharh al-Minhah al-Khayriyyah* pula menempati tahap karangan sederhana panjang beliau, manakala kemuncak karya al-Tarmasiy dalam bidang hadis adalah pada kitab *Manhaj Dhawi al-Nazar fi Sharh Manzumat 'Ilm al-Athar*.

Penerimaan hadis oleh al-Tarmasiy adalah berupa metode talaqqi bersanad yang diiktiraf keasliannya di dalam disiplin ilmu tersebut. Ketika menghuraikan sesuatu hadis, beliau terlebih dahulu akan menyerlahkan jalan ambilan sabda Nabi saw ini sebelum menerangkan maksudnya. Sesungguhnya ia merupakan bukti kesungguhan serta keikhlasan beliau di dalam berkarya. Contoh mulia ini sewajarnya diikuti oleh para pelajar dan pengkaji.

Sumber asas hadis yang diambil oleh al-Tarmasiy juga merupakan sumber yang diperakui. Keutamaan beliau ketika memilih hadis untuk dijadikan matan dan huraian adalah pada kitab-kitab yang berautoriti, seperti Sahih al-Bukhariy, Muslim, al-Tirmiziy dan sebagainya. Hal ini membuktikan bahawa beliau berada di atas landasan yang tepat di dalam bidang ini, bahkan metodologinya merupakan panduan asas kepada para penuntut ilmu hadis sehingga ke akhir zaman.

Sebagai mengiktiraf ketokohan al-Tarmasiy dalam bidang hadis serta penguasaannya yang menyeluruh dalam bidang pengajian Islam, kajian tidak teragak-agak untuk menggelarnya sebagai al-Imam. Hal ini merupakan kesinambungan terhadap gelaran tersebut

yang diberikan oleh sebuah institut kajian yang berpangkalan di Universiti Taif, Arab Saudi. Ketika menyediakan pendahuluan kepada kitab fiqh karangan al-Tarmasiy, salah seorang ilmuwan di sana mengkalungkan gelaran besar ini bagi menghargai jasa beliau kepada umat Islam.

Maka, artikel ini diharapkan dapat membentuk hasil perintis dan merupakan faktor dalam merealisasikan matlamat pemeraksanaan pengajian ilmu hadis di Malaysia. Adalah diharapkan ia dapat mencipta perspektif yang lebih jelas tentang hasil penulisan ilmu ini di Nusantara. Usaha menerbitkan kesemua kitab hadis al-Tarmasiy dan tokoh-tokoh Nusantara yang lain oleh mereka yang berkecimpung di dalam bidang ini akan menjadi lebih mudah setelah lorong awal ini dirintis.

RUJUKAN

- 1) Al-Quran al-Karim.
- 2) Ahmad Sunawari Long. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. 2009. Kuala Lumpur: Gema Alam Enterprise. Cetakan 5.
- 3) Al-Mu'allimiy, 'Abdullah bin 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim, *A'lam al-Makkiyyin*, 1421H/2000M, Mekah: Dar al-Furqan, Cet:1.
- 4) Al-Zirikliyy, *Al-A'lam- Qamus Tarajum li Ashhar al-Rijal wa al-Nisa' min al-'Arab wa al-Musta'ribin wa al-Mustashriqin*. 1984. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin. Cet.9.
- 5) Muhammad Mahfuz, Tahkik oleh cucunya Syeikh Harir Muhammad Mahfuz, *al-Khil'atul Fikriyah fi Syarh al-Minhah al-Khairiyah*, 2007, Demak, Indonesia.
- 6) Muhammad Habib Dimyathi, *Mengenal pondok Tremas dan Perkembangannya*, 2001, Indonesia.
- 7) Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, 2005. Khazanah Fathaniyah. Perpustakaan Ukm. Kuala Lumpur. Cet 1.
- 8) Wan Mohd. Shaghir Abdullah, Dalam Ruangan Agama, Utusan Malaysia, 21 Mac 2005. <http://berandamadina.wordpress.com/2010/03/10/syeikh-mahfuz-at-tarmasi-ulama-hadis-dunia-melayu/>
- 9) 'Umar 'Abd al-Jabbar, *Siyar wa Tarajum Ba'd 'Ulamaina fi al-Qarn al-Rabi' 'Ashar al-Hijriyy*.
- 10) Temubual bersama cucu beliau Syeikh Harir bin Muhammad bin Muhammad Mahfuz
- 11) <http://ml.scribd.com/doc/71153977/BUQ>,
- 12) http://www.pondokpesantren.net/ponpren/index.php?option=com_content&task=view&id=232&Itemid=57.

